



# PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN NEGARA

*Senate*

PARLIMEN KETIGA

*Third Parliament*

PENGGAL PARLIMEN PERTAMA

*First Session*

## KANDONGAN-NYA

### RANG UNDANG<sup>2</sup>:

- Rang Undang<sup>2</sup> Kumpulanwang Pinjaman Perumahan [Ruangan 953]
- Rang Undang<sup>2</sup> Persatuan Nelayan [Ruangan 955]
- Rang Undang<sup>2</sup> Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia [Ruangan 979]
- Rang Undang<sup>2</sup> Perikanan (Pindaan) [Ruangan 1002]
- Rang Undang<sup>2</sup> Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) [Ruangan 1007]
- Rang Undang<sup>2</sup> Persatuan Peladang (Pindaan) [Ruangan 1009]
- Rang Undang<sup>2</sup> Menchegah Rasuah (Pindaan) [Ruangan 1014]

MALAYSIA  
DEWAN NEGARA YANG KETIGA

*Penyata Rasmi*  
*Penggal Yang Pertama*

---

Hari Isnin 9hb Ogos, 1971

---

*Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang*

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Yang di-Pertua, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN  
BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ Menteri Ta' Berpotfolio, Yang Berbahagia TAN SRI ONG YOKE  
LIN, P.M.N. (Di-lantek).
- „ Peguam Negara, Yang Berbahagia TAN SRI ABDUL KADIR BIN  
YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Di-lantek).
- „ TUAN ABDULLAH BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN (Johor).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Di-lantek).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN AHMAD, S.M.T., P.J.K. (Trengganu).
- „ PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Di-lantek).
- „ TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, J.P. (Kelantan).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Di-lantek).
- „ DATO' CHAN KWONG HON, J.M.N., D.P.M.S., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATO' DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ TUAN CHONG FOO KHIN, P.J.K., J.P. (Negri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K. (Melaka).
- „ DATO' J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., J.M.N., S.P.M.P., J.P., DATO' KURNIA  
INDERA (Di-lantek).
- „ TUAN SYED DARUS BIN SYED HASHIM (Perlis).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ DATO' FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Di-lantek).
- Yang Berbahagia TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Di-lantek).
- Yang Berhormat TUAN GOH CHEK KIN, P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI YAAKUB, J.P. (Melaka).
- „ DATO' NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, J.M.N., D.J.M.K. (Di-lantek).
- „ TUAN SYED HASSAN AIDID, J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN HONG KIM SUI, A.D.K. (Di-lantek).
- „ TUAN IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Selangor).
- „ DATO' WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., ORANG KAYA  
INDERA MAHARAJA PURBA JELAI (Pahang).
- „ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Di-lantek).

- Yang Berhormat TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHD. YASSIN (Di-lantek).  
 .. DATO' Y. T. LEE, D.P.M.S., J.M.N., P.J.K., J.P. (Di-lantek).  
 .. DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).  
 .. TUAN LIM HEE HONG, J.M.N., J.P. (Di-lantek).  
 .. TUAN G. LOUIS (Di-lantek).  
 .. AWANG DAUD MATUSIN (Di-lantek).  
 .. DATO' HAJI PENGIRAN MOHAMED DIGADONG GALPAM, P.D.K. (Sabah).  
 .. TUAN MOHD. HANIPAH BIN S. ALAUDIN, A.M.N., J.P. (Kedah).  
 .. TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Di-lantek).  
 .. DATO' NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., J.P., DATO' KURNIA PANGLIMA RAJA (Pahang).  
 .. DATO' TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU, P.N.B.S., M.B.E. (Sarawak).  
 .. TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Di-lantek).  
 .. TUAN SHAARI BIN JUSOH (Perlis).  
 .. TUAN K. R. SOMASUNDRAM, A.M.N. (Kedah).  
 .. WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Di-lantek).  
 .. TUAN WILLIAM TAN, J.M.N., C.R.E. (Di-lantek).  
 .. TUAN TING MING HIA (Sarawak).  
 .. DATO' S. O. K. UBAIDULLA, D.P.M.S., J.M.N. (Di-lantek).  
 .. TUAN WONG SWEE SOON, A.M.N., P.J.K. (Di-lantek).  
 .. TUAN YAHYA BIN HAJI AHMAD (Perak).  
 .. TUAN YEAP KHENG YAM (Perak).

YANG TIDAK HADHIR:

- Yang Berhormat Menteri Dengan Tugas<sup>2</sup> Khas dan Menteri Penerangan, Yang Berbahagia TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Di-lantek).  
 .. DATO' JOSEPH AUGUSTINE ANGIAN ANDULAG, P.D.K. (Sabah).  
 .. DR SYED HUSSEIN ALATAS (Pulau Pinang).  
 .. TUAN ANDREW JIKA LANDAU (Di-lantek).  
 .. TUAN S. T. MANI, P.J.K. (Di-lantek).  
 .. DATO' ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Di-lantek).  
 Yang Berbahagia TAN SRI T. H. TAN, P.M.N. (Di-lantek).  
 Yang Berhormat DATO' E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Di-lantek).  
 .. TUAN ZAINUDDIN BIN HAJI MOHD. SIDIN, P.J.K. (Di-lantek).

YANG HADHIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Tanah, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).  
 .. Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).  
 .. Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).  
 .. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

## DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

RANG UNDANG<sup>2</sup>RANG UNDANG<sup>2</sup> KUMPULANWANG  
PINJAMAN PERUMAHAN

## Bachan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Perbahathan yang di-tanggohkan atas Masaalah, "Bahawa Rang Undang<sup>2</sup> ini di-bachakan kali yang kedua sekarang." (6hb Ogos, 1971).

*Perbahathan di-sambong sa-mula.*

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Peguam Negara telah memberikan jawapan kepada beberapa point yang di-timbulkan oleh Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat, dan saya tidak ada apa<sup>2</sup> hendak menambahkan tentang perkara<sup>2</sup> atau point<sup>2</sup> yang telah di-berikan jawapan oleh Yang Berhormat Peguam Negara. Chuma ada beberapa perkara yang di-timbulkan yang belum di-jawab lagi dan saya ingin membuat sedikit penjelasan, ia-itu pertama sa-kali Ahli Yang Berhormat menimbulkan soal kebimbangan tentang ranchangan perumahan berhubung dengan Rang Undang<sup>2</sup> yang ada di-hadapan kita ini akan berulang sa-mula kejadian sa-bagaimana yang berlaku kepada Ranchangan Perumahan Kerjasama dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, hal yang sa-umpama ini tidak mungkin berlaku oleh kerana ada perbezaan besar di-antara kedua. Yang dahulu itu ia-lah Sharikat Kerjasama Perumahan Pegawai<sup>2</sup> Kerajaan Berhad, ranchangan atau sekim Kampong Tunku. Jadi sharikat yang dahulu itu ada-lah sharikat kerjasama sa-bagaimana juga sharikat<sup>2</sup> kerjasama yang lain. Pihak Kerajaan memberikan pinjaman kepada sharikat ini sama-lah juga dengan pinjaman yang di-berikan oleh Kerajaan kepada sharikat<sup>2</sup> kerjasama yang lain.

Jadi Kerajaan tidak-lah menguasai sharikat kerjasama yang tersebut. Sebab itu-lah berlaku beberapa perkara sa-bagaimana kita semua ketahuī. Tetapi ranchangan perumahan yang ada di-hadapan kita ini dan juga Sharikat Kemajuan Perumahan Pegawai<sup>2</sup> Kerajaan Sendirian Berhad ada-lah berlainan sama sa-kali ya'ani ia bukan-lah sharikat

kerjasama bagaimana sharikat<sup>2</sup> kerjasama yang lain<sup>2</sup>. Ia ada-lah sa-buah sharikat yang di-tubuhkan dengan perbelanjaan atau dengan modal 100% oleh Kerajaan dan kekuasaan di-atas sharikat ini ada-lah 100% di-bawah kuasa Kerajaan dan khas-nya di-bawah kuasa dan pentadbiran Kementerian Kewangan.

Bagitu juga pegawai<sup>2</sup> yang mentadbirkan sharikat ini ada-lah pegawai<sup>2</sup> Kerajaan sa-penoh<sup>2</sup>-nya dan mereka bertindak sa-bagai pegawai penoh Kerajaan atas nama jawatan mereka masing<sup>2</sup>.

Jadi soal kebimbangan berulang kejadian<sup>2</sup> yang dahulu itu tidak-lah timbul sama sa-kali.

Point yang kedua yang di-timbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ia-lah tentang perkara Kerajaan hendak menjual tanah<sup>2</sup> dan juga rumah<sup>2</sup> Kerajaan atau pun government quarters kepada pegawai<sup>2</sup> Kerajaan, saya suka-lah menerangkan di-sini, perkara ini timbul di-dalam Surohanjaya Suffian kerana Kerajaan membuat beberapa perubahan dalam terms and conditions of service pegawai<sup>2</sup> Kerajaan. Tetapi pihak Kerajaan sa-hingga pada masa ini belum membuat sa-barang keputusan atau decision mengenai tanah<sup>2</sup> Kerajaan atau pun rumah<sup>2</sup> Kerajaan ya'ani government quarters, sama ada hendak di-jual atau pun tidak kepada sa-siapa pun, pihak Kerajaan belum lagi membuat sa-barang decision mengenai perkara ini. Sekian sahaja.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua, *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*).

*Fasal 1 hingga 9* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

*Jadual* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## RANG UNDANG<sup>2</sup> PERSATUAN NELAYAN

### Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Menteri Pertanian dan Tanah (Tan Sari Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang<sup>2</sup> yang bernama Akta Persatuan Nelayan, 1971 di-bacha bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka memberi penjelasan atas sa-tengah<sup>2</sup> perkara yang bersangkutan dengan Akta Persatuan Peladang, 1967 kerana ini ada kaitan dengan Akta Persatuan Nelayan. Sa-bagaimana yang di-ketahui, pada tahun 1967 Akta Persatuan Peladang, telah di-kuat-kuasakan untuk mengadakan satu sistem supaya pendaftaran dan penyeliaan Persatuan<sup>2</sup> Peladang di-bawah Akta itu membolehkan tercapai pengurusan yang kemas dan teratur bagi tiap<sup>2</sup> Persatuan Peladang. Semenjak itu banyak Persatuan<sup>2</sup> Peladang telah di-tubuhkan di-merata tempat yang sesuai di-Malaysia Barat dan Timor. Pengarah Pertanian ada-lah menjadi Pendaftar di-bawah Akta Persatuan Peladang, 1967 itu.

Akan tetapi Akta Persatuan Peladang, 1967 ada-lah juga meliputi kaum nelayan mengikut tafsiran "peladang" yang terkandung di-dalam Akta itu. Sunggoh pun boleh di-tubuhkan Persatuan Nelayan atas nama Persatuan Peladang di-bawah Akta itu, tetapi mungkin Persatuan Peladang untuk nelayan yang di-tubuhkan dengan sa-demikian tidak dapat bergerak maju oleh kerana Persatuan itu juga akan di-bimbing oleh Bahagian Pertanian yang tidak mempunyai kemahiran di-dalam masalah perikanan. Persatuan saperti ini sa-patut-nya di-bimbing oleh Bahagian Perikanan sendiri.

Sa-bagai suatu jalan bagi mengatasi keadaan ini Kementerian saya juga telah mengkaji sa-chara mendalam atas kemungkinan menyatukan daya usaha Bahagian Pertanian dan Bahagian Perikanan terhadap Persatuan Peladang dan Persatuan Nelayan di-bawah kuat-kuasa Akta Persatuan Peladang, 1967. Chara penyusunan (intergration) sa-umpama ini tidak-lah juga memberi kesan yang baik.

Ini bererti beberapa pindaan perlu di-buat kepada Akta Persatuan Peladang, 1971 supaya menyesuaikan dengan peranan Pega-

wai<sup>2</sup> Perikanan dari segi pengurusan dan penyeliaan. Jika langkah ini di-ambil sa-kali pun, namun demikian tidak akan menda-tangkan (intergration) yang berkesan bahkan maseh terdapat masaalah<sup>2</sup> mengenai pengurusan dan penyeliaan di-antara Bahagian Pertanian dan Bahagian Perikanan itu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, ada-lah perlu suatu undang<sup>2</sup> yang berasingan di-adakan khas untuk Persatuan Nelayan supaya tumpuan tegas terhadap kaum nelayan dapat di-beri oleh Bahagian Perikanan. Tujuan Rang Undang<sup>2</sup> Akta Persatuan Nelayan, 1971 ini ada-lah untuk membuat peruntukan berkenaan dengan pendaftaran dan penyeliaan badan<sup>2</sup> yang di-tubuhkan oleh nelayan<sup>2</sup> bagi maksud memajukan kepentingan ekonomi dan masharakat mereka sendiri dengan mendapat bimbingan daripada Bahagian Perikanan ya'ani berasingan daripada Persatuan<sup>2</sup> Peladang yang di-tubuhkan di-bawah Akta Persatuan Peladang, 1967.

Persatuan<sup>2</sup> Nelayan yang akan di-tubuhkan ini akan menjadi perantaraan yang memberi kesan lebeh kapada usaha<sup>2</sup> Kerajaan menyalurkan bantuan<sup>2</sup>, menyampaikan perkhidmatan perkembangan (extension services), menyusun pembekalan dan pengurusan alat<sup>2</sup> penangkapan ikan dan bot<sup>2</sup> moden dan saterus-nya bagi menchapai tujuan<sup>2</sup> saperti yang di-nyatakan di-dalam Fasal 5 Rang Undang<sup>2</sup> ini. Segala<sup>2</sup>-nya ada-lah untuk memperbaiki keadaan hidup nelayan dengan chara yang lebeh konkrit dan lebeh progresif. Faedah<sup>2</sup> dan keuntungan<sup>2</sup> yang akan di-perolehi dengan serta-merta oleh nelayan<sup>2</sup> menerusi Persatuan ini nanti ia-lah menjimatkan belanja dari pembelian bersama bagi alat<sup>2</sup> saperti ayer batu, minyak serta barang<sup>2</sup> menangkap ikan yang lain.

Bekerja menyelenggarakan hasil tangkapan juga akan kurang melalui perantaraan bersama.

Bagi jangka panjang, penubuhan Persatuan<sup>2</sup> Nelayan akan membolehkan nelayan<sup>2</sup> meujudkan persefahaman yang lebeh erat dalam menghadapi masaalah menangkap ikan.

Persatuan<sup>2</sup> ini juga boleh menjadi asas perpaduan serta bimbingan iktisas di-dalam rangka meninggikan pengeluaran.

Badan<sup>2</sup> yang boleh di-tubuhkan ia-lah Persatuan<sup>2</sup> Nelayan Kawasan, Persatuan Nelayan Negeri dan Persatuan Nelayan

Persekutuan. Persatuan Nelayan Kawasan boleh di-tubuhkan sa-chara sukarela oleh sa-ramai 50 orang nelayan atau lebeh sa-bagaimana yang di-ta'arifkan di-dalam Fasal 2 bagi mana<sup>2</sup> kawasan di-dalam Persekutuan. Badan<sup>2</sup> ini boleh bergabung dengan menjadikan satu Persatuan Nelayan Negeri.

Persatuan Nelayan Negeri juga boleh bergabung menjadi satu Persatuan Nelayan Persekutuan mengikut Fasal 3. Achara bagi pergabungan itu ada-lah juga di-nyatakan di-dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini mengikut Fasal 15, 16 dan 17.

Sungguh pun badan<sup>2</sup> itu boleh di-tubuhkan di-mana perlembagaan dan kaedah<sup>2</sup>-nya boleh di-buat sa-chara bebas dan sukarela, tetapi sa-belum badan<sup>2</sup> itu boleh di-tubuhkan di-bawah Akta ini, kaedah<sup>2</sup> badan<sup>2</sup> itu mestilah mengandongi peruntokan<sup>2</sup> yang di-peruntokan di-dalam kaedah<sup>2</sup> yang akan di-buat di-bawah Akta ini. Peruntokan<sup>2</sup> itu ia-lah peruntokan yang di-fikirkan penting bagi mewujudkan suatu sistem yang di-perlukan untuk menchapai tujuan badan<sup>2</sup> itu.

Tujuan<sup>2</sup> bagi menubuhkan suatu Persatuan Nelayan Kawasan ada di-nyatakan dalam Fasal 5. Apabila di-daftarkan di-bawah Akta ini, Persatuan Nelayan Kawasan, Persatuan Nelayan Negeri dan Persatuan Nelayan Persekutuan akan menjadi pertubuhan perbadanan dengan mempunyai kuasa<sup>2</sup> yang di-nyatakan dalam Fasal 18. Melainkan di-daftarkan, maka ada-lah menjadi kesalahan bagi badan<sup>2</sup> itu menjalankan apa<sup>2</sup> urusan ia-itu menurut Fasal 4.

Orang<sup>2</sup> yang layak menjadi ahli sa-suatu Persatuan Nelayan Kawasan ia-lah saperti yang tersebut dalam Fasal 11 (1) (a), (b) dan (c); dan orang<sup>2</sup> yang layak menjadi ahli bersekutu ia-lah saperti yang tersebut dalam Fasal 11 (2). Fasal 6 memperuntokkan supaya sa-orang Pendaftar bagi Persatuan Nelayan dan pembantu<sup>2</sup>-nya di-lantek oleh Menteri. Pehak yang berkuasa penyelia dalam tiap<sup>2</sup> satu Negeri dan Wilayah (ia-itu kawasan terdiri dari dua Negeri atau lebeh) ada-lah di-lantek oleh Menteri menurut Fasal 9 dan kewajipan<sup>2</sup> mereka ada di-nyatakan dalam Fasal 10.

Pendaftar berkuasa memeriksa akaun mana<sup>2</sup> Persatuan Nelayan dan menyiasat berkenaan dengan perjalanan urusan dan keadaan kewangan persatuan itu menurut Fasal 19. Pendaftar boleh memerintah perlembagaan atau kaedah<sup>2</sup> sa-suatu Persatuan

Nelayan Kawasan atau Negeri yang berkenaan itu di-gantung, jika ia berpendapat patut berbuat demikian demi kepentingan ahli<sup>2</sup> am-nya dalam kawasan atau Negeri yang tertentu.

Sa-sudah sahaja perintah itu di-buat, ia hendak-lah mengarahkan satu siasatan di-jalankan, dan kemudian-nya ia boleh membatalkan perintah itu atau membuat suatu perintah lagi untuk membubarkan persatuan yang berkenaan itu. Perkara<sup>2</sup> berhubung dengan penggantungan dan juga peruntokan mengenai rayuan ada di-nyatakan dalam Fasal 20, 21, 22 dan 23.

Menteri boleh membuat kaedah<sup>2</sup> dan peratoran<sup>2</sup> bagi melaksanakan peruntokan<sup>2</sup> Akta itu ia-itu menurut Fasal 26 dan 27. Antara lain, kaedah<sup>2</sup> itu boleh membuat peruntokan berkenaan dengan perkara berhubung dengan penggantungan dan pembubaran Persatuan Nelayan.

Peruntokan<sup>2</sup> berkenaan dengan odit dan kuasa<sup>2</sup> Menteri bagi mengechualikan mana<sup>2</sup> Persatuan Nelayan daripada beberapa peruntokan Akta itu ada di-nyatakan di-dalam Fasal 25 dan 28.

Fasal 30, 31 dan 32 ia-lah berkenaan dengan larangan menggunakan perkataan "Persatuan Nelayan" di-dalam perniagaan dan urusan kechuali perniagaan dan urusan yang termasuk di-dalam syarat kepada Fasal 30, dan berkenaan dengan undang<sup>2</sup> tertentu yang tidak di-pakai bagi Persatuan Nelayan dan berkenaan dengan kesalahan<sup>2</sup> di-bawah Akta itu.

Fasal 33 ia-lah berkenaan dengan pindaan yang berbangkit dengan Akta Persatuan Peladang, 1967. Dengan pindaan itu, mana<sup>2</sup> orang yang bekerja atau yang memperoleh pendapatan dari menangkap ikan di-muara atau di-laut tidak lagi boleh menjadi ahli sa-suatu Persatuan Peladang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

**Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof):** Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

**Dato' Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penoh Rang Undang<sup>2</sup> Persatuan Nelayan ini kerana saya dapati ini-lah sa-baik<sup>2</sup> langkah yang dapat di-ambil oleh Kerajaan untuk membantu pehak yang tidak berada yang ada

di-merata negara kita ini. Dalam keterangan yang di-beri oleh Menteri yang berkenaan tentang susunan dan chara penubohan persatuan<sup>2</sup> ini, saya rasa itu-lah chara yang lebeh kemas, yang lebeh baik, yang lebeh selamat unok menyusun kedudukan nelayan<sup>2</sup> kita yang ada di-merata<sup>2</sup> tempat itu.

Sa-lain daripada itu, saya suka hendak memberi sedikit pandangan dalam perlaksanaan undang<sup>2</sup> ini sebab, Tuan Yang di-Pertua, saya pernah bergaul, saya pernah bersama<sup>2</sup> dengan pehak nelayan<sup>2</sup> ini di-satu masa yang lalu saperti nelayan<sup>2</sup> di-Bachok, nelayan<sup>2</sup> di-Kuala Besut dan sa-bagai-nya. Di-dalam masharakat, atau pun di-dalam kumpulan mereka yang mengambil bahagian dalam perusahaan di-laut ini ada terbahagi kapada beberapa peringkat dan beberapa gulongan.

Yang pertama ia-lah nelayan, ia-itu mereka yang ada perahu, mereka yang ada pukot yang pergi ka-laut menangkap ikan bawa balek ikan.

Ada satu gulongan lagi ia-lah mereka yang mengusahakan ikan itu. Mereka yang mengusaha ikan ini ada kaitan-nya dengan urusan nelayan yang pergi menangkap ikan, sebab yang saya tahu mithalan di-Kuala Besut umpama-nya. Nelayan<sup>2</sup> yang pergi tangkap ikan di-laut itu dia balek, dia tidak mengusahakan ikan itu. Ikan itu di-serahkan kapada gulongan<sup>2</sup> yang ada di-tepi laut yang mengusahakan ikan itu, saperti buat ikan masin umpama-nya, ikan jerok dan sa-bagai-nya. Ini satu gulongan yang di-panggil pengusaha<sup>2</sup> hasil daripada nelayan itu.

Yang ketiga gulongan peniaga<sup>2</sup> yang menjalankan pasaran berkenaan dengan hasil<sup>2</sup> nelayan itu.

Yang ke-empat pemodal<sup>2</sup> yang ada di-tepi<sup>2</sup> laut yang memodali nelayan<sup>2</sup>, yang memodali pengusaha<sup>2</sup> hasil nelayan tadi, yang memodali pemasaran dan sa-bagai-nya. Jadi dalam gulongan, dalam masharakat perusahaan hasil laut ini ada beberapa jenis kumpulan manusia yang ada hubungan di-antara satu dengan lain. Jadi, hubungan<sup>2</sup> ini ia-lah satu hubungan yang sudah menjadi kebiasaan daripada turun-temurun lagi yang sangat susah bagi Kerajaan hendak pechahkan hubungan ini, hendak potongkan hubungan mereka ini dan unok membantu nelayan<sup>2</sup> sa-penoh-nya daripada mengambil hasil di-laut dan terus memasarkan barang<sup>2</sup> itu. Kalau Kerajaan buat pun biasa-nya yang saya tahu waktu Menteri Aziz Ishak dahulu

menjadi Menteri Perikanan dahulu, dia sudah chuba hendak buat—dia gagal dan banyak Kerajaan rugi belanja duit dalam masaalah membantu nelayan<sup>2</sup> pada masa itu. Jadi usaha bukan tidak di-buat, pemikiran bukan tidak di-fikirkan, tetapi telah di-fikirkan, telah di-usahakan tetapi chara dahulu, saya fikir, chara itu tidak boleh dapat memecahkan hubungan di-antara satu gulongan dengan satu gulongan yang lain dalam masaalah membantu nasib nelayan<sup>2</sup> ini.

Jadi, saya suka memberi pandangan ini, Tuan Yang di-Pertua, kapada Menteri yang berkenaan, bukan kerana hendak ajar itek berenang, atau pun bukan hendak tambah benda yang telah elok, tetapi saya rasa ini satu pandangan daripada manusia biasa yang pernah berhubung dengan pehak<sup>2</sup> nelayan ini. Apa yang saya tahu, nelayan ini apabila dia tangkap ikan dari laut, dia bawa ka-tepi pantai, dia jual kapada taukeh pemodal. Siapa yang banyak modal, itu-lah orang yang dapat monopolikan hasil<sup>2</sup> nelayan itu. Saya tahu macham di-Kuala Besut, dua tiga pemodal yang besar sahaja dia dapat monopolikan segala hasil dan unok menyelamatkan modal dia, dia beri pukot, dia beri perahu, dia beri segala<sup>2</sup>-nya kapada nelayan itu dan nelayan itu bekerja unok dia. Orang ini di-panggil nelayan juga, tetapi nelayan yang menjadi kuli kapada pemodal yang ada dan pemodal ini dia boleh kumpolkan, kalau dia buat ambil ikan daripada laut, dia usaha jadikan ikan masin, dia boleh pack ikan masin itu ikut musim-nya. Ikan masin ini boleh di-pasarkan musim yang berkehendak kapada ikan masin. Umpama-nya bila musim hujan, musim udara ta' baik banyak orang berkehendak kapada ikan masin dalam musim banjir, dalam musim hujan. Jadi pemodal ini dia ada modal, dia tahu dalam masa sa-tahun ada masa 3 bulan, 4 bulan dia boleh naikkan harga ikan masin ini bagitu tinggi dan dia boleh dapat untong yang berlebeh<sup>2</sup>an. Jadi . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada-kah tujuan Ahli Yang Berhormat itu membuat ucapan ini supaya pada satu masa yang akan datang di-masokkan sa-bagai satu Undang<sup>2</sup>?

**Dato' Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Saya tidak bawa apa<sup>2</sup> chadangan unok diperbaiki undang<sup>2</sup> ini, tetapi saya chuba hendak menerangkan bagaimana hubungan di-antara nelayan dengan pemodal supaya menjadi satu pemikiran bagi pehak Kementerian

chara<sup>2</sup> untok hendak melaksanakan undang<sup>2</sup> ini. Jadi apa masalah yang saya chuba hendak menerangkan kepada Dewan ini ialah bagaimana chara Kerajaan hendak memecahkan di-antara kaum modal yang memerah nelayan supaya dapat persatuan ini memodali dengan sa-penoh—persatuan yang akan di-tubuhkan ini, memodali kaum nelayan ini dengan sa-penoh daripada laut sampai ka-darat dan memasarkan ikan<sup>2</sup> masin itu kepada bandar<sup>2</sup> yang besar. Saya rasa benda ini boleh di-buat, tetapi hendaklah di-atorkan dengan begitu rapi, sebab nelayan<sup>2</sup> ini tidak ada pemimpin. Dia, Tuan Yang di-Pertua, bila sebut nelayan, orang kelaut; orang kelaut ini dia bangun pukul 3 pagi dia pergi ka-laut, dia tidak kenal dunia, dia tahu dunia dia atas perahu sahaja.

Pemikiran-nya dia tidak kenal apa politik, apa Kerajaan buat, apa pun dia tidak tahu, dia dudok dalam sampan dengan pukatnya, itu sahaja yang dia tahu. Jadi kalau kita buat satu persatuan dan kita hendak harapkan pada persatuan itu berjalan sendiri, saya rasa tidak boleh berjaya, sebab dia tidak erti hendak memikirkan chara mana hendak atorkan hal diri hidup-nya, hendak atorkan hal persatuan-nya, hendak menjalankan, hendak menggerakkan itu sudah tentu tidak boleh berjaya, melainkan Kerajaan menyusunkan satu chara supaya ada pemimpin<sup>2</sup> yang boleh memimpin nelayan<sup>2</sup> ini. Mengadakan satu pertubohan yang di-pimpin oleh Kerajaan sa-chara langsung, kalau betul<sup>2</sup> kita hendak berjaya, sebab orang ini dia tidak boleh pimpin diri-nya sendiri, sebab dia pergi ka-laut pukul 3 pagi, dia balek<sup>2</sup> dia tahu jual ikan, dia pergi ka-laut balek, isteri dia pun dia tinggal dan anak-nya dia tinggal, macham mana dia hendak bichara persatuan-nya, tidak ada persatuan yang dia hendak bichara. Yang boleh orang yang bichara persatuan nelayan dia itu ia-lah orang<sup>2</sup> yang tidak pergi ka-laut, orang<sup>2</sup> yang bukan nelayan. Kalau orang nelayan dia tidak peduli persatuan-nya, anak isteri-nya pun dia tidak peduli, mecham mana hendak bichara persatuan-nya, melainkan Kerajaan, ada badan<sup>2</sup> Kerajaan, orang<sup>2</sup> Kerajaan yang bichara hal persatuan-nya baharu kita boleh berjaya. Kalau begitu orang yang hendak bichara persatuan ini pun, saya rasa masalah besar juga, sebab apa yang saya tahu macham sharikat kerjasama yang di-tubuhkan oleh Kerajaan. Sharikat kerjasama nelayan dimodali oleh Kerajaan, di-beri peti sejok,

di-beri rumah sejok untok kegunaan nelayan, kira<sup>2</sup> rugi. Fasal apa rugi, tidak tahu fasal apa rugi, kira<sup>2</sup> tidak tahu ka-mana, entah ka-mana, duit habis. Nelayan tidak tahu, nelayan dia tahu bahawa ikan masok peti sejok, terima duit, besok hendak pergi ka-laut balek. Yang menjaga ini mereka yang bukan nelayan, mereka ini-lah kalau kita tidak jaga betul<sup>2</sup> menggagalkan ranchangan kita menggagalkan ranchangan Kerajaan untok menjayakan nasib nelayan<sup>2</sup> kita itu.

Jadi itu-lah sebab saya chuba hendak menolong yang pertama bila kita tuboh Persatuan Nelayan jangan harap kepada nelayan hendak memimpin. Kita mesti harapkan orang Kerajaan untok memimpin nelayan. Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, hasil nelayan ini mengikut Undang<sup>2</sup> Persatuan Nelayan ini boleh buat perusahaan, boleh memproses sendiri, dia proses barang<sup>2</sup> yang di-tangkap di-laut itu. Jadi, ini elok mengikut undang<sup>2</sup> ini. Itu pun mesti di-jaga baik<sup>2</sup> oleh Kerajaan, sebab orang nelayan tidak boleh jaga. Yang kita ada hari ini orang yang dudok di-tepi laut yang memproses hasil laut, orang ini yang beli barang daripada nelayan, dia proses, dia buat ikan masin, dia buat budu, dia buat itu dan buat ini, dia buat macham<sup>2</sup>, dia jual. Jadi kalau boleh, ini saya tidak tahu boleh atau tidak boleh—kalau boleh kita satukan, kita istilahkan, kita ma'anakan orang nelayan dan pengusaha<sup>2</sup> yang ada di-tepi laut itu boleh masok sama, kita chantumkan. Kita satukan pengusaha<sup>2</sup> itu supaya boleh di-daftarkan menjadi ahli bagi Persatuan Nelayan itu. orang itu dia tahu berusaha sahaja, kemudian dia jualan barang<sup>2</sup> usaha itu kepada bandar<sup>2</sup> yang besar.

Saya suka hendak bayangkan, Tuan Yang di-Pertua, tentang susah-nya kita hendak jalankan benda ini. Saya chuba buat satu persatuan di-Kuala Besut. Orang nelayan satu masa dahulu—belum undang<sup>2</sup> ini keluar— dia berjumpa dengan saya minta tolong saya susunkan satu Persatuan Nelayan di-Kuala Besut. Saya sendiri susun. Bila sudah susun nelayan<sup>2</sup> Kalau Besut itu, ikan masin yang di-usahakan itu, dia hendak jual kepada bandar<sup>2</sup> yang besar macham Kuala Lumpur dan sa-bagai-nya. Saya sudah datang berunding dengan tokeh<sup>2</sup> di-Kuala Lumpur ini untok membeli ikan itu supaya ikan itu dapat di-kumpulkan dan di-jualkan ka-Kuala Lumpur dan hasil-nya boleh dapat harga yang baik, dan kita boleh simpankan satu cess macham satu wang simpanan tetap untok

memodalkan perusahaan mereka itu. Saya buat kiraan, mula<sup>2</sup> saya hantar dua lori ikan sahaja daripada Kuala Besut untuk jual di-Kuala Lumpur. Pemodal di-Kuantan ini sudah talipon tokeh di-Kuala Lumpur ini: ikan dua lori, lori nombor sa-kian<sup>2</sup> mahu datang ka-Kuala Lumpur. Bila ikan ini sampai Kuala Lumpur, tokeh yang berkira itu pun dia kata ikan tidak baik, saya tidak mahu beli, pergi satu tokeh ikan: ini kurang baik, tidak mahu di-beli dan sa-bagai-nya. Saya terpaksa bawa ikan itu kepada sharikat kerjasama yang Kerajaan tubuhkan, dia panggil sharikat kerjasama yang besar yang di-tubuhkan untuk menghantar barang<sup>2</sup> makanan kepada kawasan FLDA. Saya bawa ikan itu masuk ka-dalam setor sharikat kerjasama. Bila sudah masuk setor kerjasama, ikan ini tunggu tiga hari sudah naik kuning. Ikan masin ini kalau tidak masuk bilek sejok dia naik kuning, badan-nya naik kuning. Bila naik kuning, orang tidak mahu beli, sudah rosak ikan itu. Jadi, saya terpaksa jual dengan harga yang rugi. Itu satu pengalaman hidup saya hendak menolong nelayan<sup>2</sup> yang terpaksa rugi duit, jual ikan masin dengan harga yang murah. Fasal barang yang di-usahakan di-laut itu bila naik, dia mesti masuk peti sejok, mesti masuk bilek sejok, bilek sejok-lah yang boleh menahan ikan itu daripada rosak. Bila keluar daripada bilek sejok mesti rosak, kalau tidak ada market yang menjamin dapat membelinya. Ini kesulitan<sup>2</sup> dalam memproses pemasaran barang<sup>2</sup> yang sa-umpama ini.

Ini-lah ingatan saya kepada Kerajaan kepada Kementerian yang berkenaan. Kalau boleh buat satu susunan yang betul<sup>2</sup> kuat daripada laut sampai ka-bandar besar, kemudian chantumkan semua pengusaha<sup>2</sup> yang ada di-tepi<sup>2</sup> laut itu. Mereka yang tidak berada juga, pengusaha yang ada di-tepi laut itu bukan orang kaya. Banyak daripada mereka ini orang miskin yang chari makan sa-chara orang<sup>2</sup> nelayan juga. Orang yang tidak berada ini kita chantumkan sa-kali dengan nelayan dan kita atorkan pemasaran yang terjamin, dengan chara ini, saya rasa baharu boleh berjaya. Dan ini boleh di-buat sebab kita ada FLDA di-seluruh Malaysia ini. Mereka yang ada dalam FLDA ini mereka berkehendakkan ikan masin, dia berkehendakkan ikan hidup, dia berkehendakkan kepada segala hasil laut, chuma chara pembahagian sahaja yang tidak di-susun. Kalau kita susun betul<sup>2</sup> chara-nya dengan modal yang chukup, dengan satu susunan yang baik, dengan transport yang terator, saya rasa tidak

jadi masalaah, tetapi ini tidak boleh di-buat oleh nelayan, tidak boleh di-buat oleh persatuan ini. Persatuan ini mesti dengan bantuan Kerajaan dengan tenaga daripada tangan Kerajaan yang mengatorkan. Kalau kita sudah boleh buat undang<sup>2</sup> bagini untuk menjayakan chita<sup>2</sup> kita, maka kita boleh meletakkan pegawai<sup>2</sup> dan kakitangan<sup>2</sup> kita untuk menjalankan dengan sa-chara yang terator dalam pelaksanaan Rang Undang<sup>2</sup> ini. Terima kaseh.

**Dato' S. O. K. Ubaidulla:** (*Dengan izin*) Tan Sri Yang di-Pertua, the formation of Fishermen's Associations would be welcomed not only in the coastal towns of Malaysia but also in the urban areas. If the object of the Association were to be fully achieved, it would go a long way to increase the standard of living to enrich the nutrition in our food and contribute to a certain extent to eradicate the economic imbalance among the people.

Sir, the object of the Bill is to promote the economic and social interests of the fishermen. So, Sir, on this object, I would like to elaborate in my speech.

The promotion of fishermen's welfare has been a long and serious concern of the country. Periodically we hear the plight of the fishermen. We heard just now from a Member from the East Coast, Dato' Nik Hassan. A large number of our fishermen go without earning during three months of the monsoon season. There are other fishermen who due to financial difficulties and insufficient facilities find it hard to earn a subsistence living. The redressing of the malady of fishermen should receive priority in the Second Malaysia Plan.

First of all, Tan Sri Yang di-Pertua, to help our fishermen we must produce a fish resources survey of both East and West Coasts of Malaysia and also of Sabah and Sarawak. This would enable them to ascertain the potentiality of off-shore fishing resources. The knowledge of such potentiality could encourage fishermen to be sure of their future. Even educated young lads would take up fishing if they know that it is an unfailing source of income. Even large companies, who are hesitating now, would form with sizable capital fishing ventures to exploit fishing industries.

To my mind, Tan Sri Yang di-Pertua, neglected fishing wealth is a neglected national

wealth. The pity is that a large number of fish and prawns die of old age in the sea. The proper exploitation of fishing industry would come as an untapped wealth of the nation. There are many nations in the world who are extremely advanced in fishing industries. Their cry now is for more fish beds, whereas we have for a small country vast resources of fishing surrounded by our large sea coasts. Sir, we must send our young men to overseas in hundreds to get practical training in fishing. We should also send them to post-graduate courses in advanced universities of the world. In the meantime, Fishermen's Associations must be helped with experts who are trained in fishing, processing and marketing. Sir, as my friend Dato' Nik Hassan said, the Honourable Minister knows quite a lot of these things. I am not going to teach a fish how to swim. I hope he would take note of our views along with him. This is a concern that we express about the fishermen who are often not very vocal. Thank you.

**Dato' Dr Cheah Toon Lok:** (*Dengan izin*)  
Mr President, Sir, I have heard the two speeches of the Honourable Members, and I think they are little bit off the track. The intention of the Government is very clear, its objects are very clear, because the Government wants to organise the fishermen into an industry instead of everyday hearing of fights in the sea. May I, with your permission, read the objects. The objects are as follows:

- (a) to manage and operate financial aid scheme to provide credit and capital resources to members; (those without money will be helped)
- (b) to promote member education and training including circulation of information on matters of interest to members; (intelligence)
- (c) to organise exhibition, fairs and displays; (propaganda)
- (d) to organise fishing operation or aquaculture; the assembling, storage processing; distribution and disposal of members products; (co-operative society)
- (e) to provide health centres, nurseries, thrift institutions, insurance; mutual aid and other welfare programmes; (welfare)

- (f) to assist in investigations and the collection of statistics of the fishing industry; (to see whether the sea has got fish or not)
- (g) to provide buoys and other navigation aids and fishing harbour facilities; (so that they have got proper places to put their trawlers and their boats)
- (h) to mediate in disputes involving a member or members arising in the fishing industry; (as we have heard fighting everyday in the sea)
- (i) to organise member participation in any conservation programmes directed by the Director General of Fisheries.

I congratulate the Government, Sir, for bringing such a broad programme to assist our fishermen, because the fishing industry is so vital to our country; nearly one-quarter of the people are in the sea everyday fishing, providing protein for us and the marketing could be done by this Co-operative Society and the intention is to bring all these capitalists into this organisation. The economic and social interests of the fishermen are looked after by this Bill. I think it is a very good Bill. The only regret I have is that there are no scholarships provided to fishermen's children to go and learn fishing abroad so that they could bring back the knowledge to their parents how to do the fishing. Of course, the parents will tell them not to teach them, because they have eaten more salt than the children have, so don't teach them, but in fact the children should be provided with these scholarships to go abroad and learn and then develop a fishing industry in the Far East second to none. I think that is a very laudable objective, I strongly support the Government in this motion. Thank you.

**Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya ada-lah menyokong Rang Undang<sup>2</sup> Persatuan Nelayan yang sedang kita bahathkan hari ini. Kerana ini-lah sahaja chara-nya pihak Kerajaan dapat membantu untuk meninggikan taraf ekonomi nelayan<sup>2</sup> kita. Tetapi untuk melaksanakan rancangan ini patut sangat-lah kita berhati<sup>2</sup> kerana apa yang di-nyatakan oleh Yang Berhormat Dato' Nik Hassan tadi saya sangat<sup>2</sup> bersetuju, kerana kebanyakan nelayan<sup>2</sup> kita kurang pelajaran, kurang kewangan dan kurang segala<sup>2</sup>-nya. Saya juga

faham, kerana saya pernah berjumpa dengan nelayan<sup>2</sup> yang ada di-pantai Port Dickson, yang mana mereka itu telah di-beli oleh orang tengah, mereka itu pergi ka-laut menggunakan sampan, menggunakan injin, dan menggunakan jaring daripada orang tengah atau pun tokeh<sup>2</sup> yang membelanjai mereka itu. Rasa saya Perkampongan Nelayan di-Kuala Linggi kalau sa-kira-nya tidak gagal maka perjalanan-nya tidak bagi memuaskan, kerana tidak dapat memegang mereka<sup>2</sup> itu dengan sunggoh<sup>2</sup> kerana mereka itu telah di-beli, telah di-kawal, telah di-jaga oleh orang tengah yang saya katakan tadi. Apa yang di-nyatakan oleh Yang Berhormat Dato' Nik Hassan mereka ini pergi ka-laut, balek dari laut sampai sahaja di-tepi pantai, ada orang yang mengambil ikan mereka. Ikan itu di-timbang pun mereka tidak tengok, sa-kadar belas ikhsan tokeh<sup>2</sup> itu-lah sahaja berapa hendak di-katakan-nya bagitu juga harga-nya. Kerana sebab, barangkali tokeh<sup>2</sup> itu berbuat bagitu ada juga musabab-nya, kerana nelayan yang ka-laut ini ada bermacam<sup>2</sup> peringkat, ada masa-nya dia pergi itu dapat ikan, boleh-lah tokeh itu menolak sa-mula berapa belanja-nya, ada masa-nya itu bila mereka itu pergi ka-laut musim gelora pun sampai, maka mereka itu tidak dapat ikan, tokeh<sup>2</sup> ini kena juga memberi belanja kepada mereka ini, ia-itu perbelanjaan mereka hari<sup>2</sup>.

Jadi untuk memecahkan masalah ini patut sangat-lah pehak Kerajaan meneliti-nya andai kata ini-lah satu Undang<sup>2</sup> yang boleh memecahkan perkara itu, tetapi kajian yang sunggoh<sup>2</sup> patut-lah di-buat terutama sa-kali manakala hendak melantek pehak Penyelia atau Pegawai Penyelia untuk mengawal, untuk menasehat persatuan ini supaya dapat memecahkan apa yang saya katakan itu juga oleh Yang Berhormat Dato' Nik Hassan itu. Saya ada-lah menyokong dengan sa-penoh-nya Rang Undang<sup>2</sup> Persatuan Nelayan ini. Sekian, terima kaseh.

**Puan Dasimah Dasir:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin mengambil bahagian membahathkan dalam perkara ini. Sa-belum itu saya menguchapkan sa-tinggi<sup>2</sup> terima kaseh kepada Kerajaan walau pun kita di-sini semua boleh memberi pandangan, juga kita akan menyokong Kerajaan yang telah menjalankan usaha ini. Tetapi saya suka-lah hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan beliau menyatakan tadi pegawai<sup>2</sup> itu Menteri akan melantek-nya.

Ini satu perkara yang saya rasa risau, kerana Kerajaan hendak membuat sa-suatu itu kuasa akan di-ambil oleh Menteri tetapi bila kala hendak memilih itu hendak-lah memilih umpama-nya orang<sup>2</sup> Pulau Pinang hendak-lah memilih orang Pulau Pinang menjadi Penyelia. Jikalau di-pilih di-Kelantan hendak-lah memilih orang Kelantan. Jikalau hendak memilih orang daripada Negri Sembilan, hendak-lah mengambil orang daripada Negri Sembilan. Sebab saya menyatakan bagitu, Tuan Yang di-Pertua, perkara ikan ini bukan-lah Menteri boleh tahu. Menteri tidak mengetahui, kalau-lah beliau hendak melantek sa-bagaimana kehendak hati Menteri, bagitu juga nasib nelayan<sup>2</sup> yang akan datang. Tadi ada sa-orang kawan saya yang telah berchakap mengatakan kita memberi pandangan ini salah. Saya rasa beliau yang berchakap itu salah.

Berkenaan dengan pak tani ini, pembesar<sup>2</sup> atau orang atasan tidak tahu bagaimana-kah penderitaan pak<sup>2</sup> tani, penderitaan<sup>2</sup> nelayan. Bagitu juga saya tahu Menteri yang berkenaan ini selalu bila mana Sharikat Kerjasama Nelayan atau Pak Tani, selalu saya hadir bersama<sup>2</sup> dengan beliau, tetapi sa-takat mana-kah beliau menghadhiri, sa-takat kumpulan pembesar<sup>2</sup> sahaja. Di-kampung<sup>2</sup>, di-tepi<sup>2</sup> laut kedudukan nelayan ini tidak di-siasat lebeh mendalam sa-bagaimana yang telah di-katakan oleh sahabat<sup>2</sup> saya tadi. Kalau kita maseh ingat sharikat kerjasama yang telah di-tubuhkan oleh Kerajaan beratus<sup>2</sup> juta ringgit yang telah di-hamborkan kepada nelayan<sup>2</sup> dan peladang<sup>2</sup>, apakah nasib orang<sup>2</sup> itu di-masa sekarang ini. Umpama-nya kehidupan mereka bagitu juga tidak berubah. Bagaimana kata sahabat saya perubahan itu ada-lah gulungan dari pemo dal<sup>2</sup>. Sebab saya tahu bagitu, sa-bagaimana kata sahabat saya tadi ada satu kumpulan yang membawa ikan daripada bot, bawa naik atas lori terus bawa ka-pasar dengan tidak di-timbang, tidak di-tanya, kemudian bawa ka-sana, ikut nasib-nya yang akan di-bagikan.

Bagitu juga kalau-lah Kerajaan menumpukan kepada satu gulungan sahaja tentang nasib orang<sup>2</sup> itu sa-bagaimana yang ada pada masa sekarang ini. Sharikat Kerjasama Nelayan yang ada baharu<sup>2</sup> ini, sa-bagaimana yang di-katakan oleh Yang Amat Berhormat Tun menyeru untuk memperbaiki kehidupan orang<sup>2</sup> di-luar bandar, masing<sup>2</sup> itu sebok hendak

menchari kehidupan mereka dengan ber-sendirian. Mereka minta pertolongan daripada Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat, orang itu akan menolong-nya. Tetapi bila mana kita ber-jumpa dengan Menteri atau berjumpa dengan pengelola<sup>2</sup> daripada sharikat, dia main macham bola sahaja. Tolak ka-sana, tolak ka-mari, ta' mungkin dapat terchapai chita<sup>2</sup> nelayan tadi. Jadi saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri jika sa-kira-nya Rang Undang<sup>2</sup> ini akan di-pinda, pinda-lah dengan sa-benar<sup>2</sup>-nya, pinda-lah dengan sa-ikhlas<sup>2</sup>-nya, sa-bagaimana kata akan di-kota. Itu-lah saya minta kepada Menteri yang berkenaan bagaimana kita memegang nasehat<sup>2</sup> Perdana Menteri kepada kita, kita juga menjadi satu pemimpin untuk membaiki hidup ra'ayat<sup>2</sup> yang ada di-luar bandar. Dari itu, dengan ini kalau pindaan ini di-luluskan, saya juga menyokong dengan sa-kuat<sup>2</sup>-nya. Saya juga mengucapkan terima kaseh ka-pada Menteri yang berkenaan, walau bagaima-pun saya boleh berchakap dengan beliau atau bertanya dengan-nya kerana baik hati budi Menteri ini. Itu-lah sebab saya minta kepada Menteri yang berkenaan tolong-lah apa kira-nya orang<sup>2</sup> Pulau Pinang yang banyak menderita sa-kali pada hari ini. Terima kaseh.

**Tuan Amaluddin bin Darus:** Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati untuk ikut dalam perbahathan mengenai Rang Undang<sup>2</sup> ini. Apabila membacha Rang Undang<sup>2</sup> ini pada keseluruhan-nya, saya dapati motif, atau niat Kerajaan ia-lah untuk menyusun satu Persatuan Nelayan yang chekap, berguna dan berkesan bagi faedah mereka pada masa hadapan.

Langkah ini satu langkah yang baik tetapi terlalu lewat. Saya sangsi kerana beberapa tahun yang lalu, bertahun<sup>2</sup> yang lalu, Kerajaan selalu menggalakkan sharikat<sup>2</sup> kerjasama, berchakap tentang sharikat kerjasama, bahkan dekat<sup>2</sup> pilehanraya, banyak hadiah perahu<sup>2</sup> untuk nelayan menangkap ikan melalui sharikat<sup>2</sup> kerjasama dan sa-bagai-nya. Apa-kah telah terjadi kapada nelayan<sup>2</sup> dengan sharikat kerjasama mereka? Apa-kah itu satu bukti bahawa sharikat kerjasama nelayan oleh kerana kurang pengalaman, dan kurang kebijaksanaan dalam pentadbiran dan pengurusan telah gagal, dan sekarang Kerajaan telah memikirkan patut sa-kali di-usahakan satu Persatuan Nelayan yang tersusun serta melaksanakan seluruh ranchangan<sup>2</sup> yang mem-

beri faedah kapada mereka sendiri. Sa-waktu kita menubuhkan FAMA,<sup>2</sup> walau pun dia merupakan Lembaga Pemasaran Pertanian, tetapi kerana dia di-bawah satu Kementerian yang bertanggung-jawab mengurus-kan-nya, pernah di-serahkan supaya FAMA mengambil tanggung-jawab menggantikan orang tengah termasuk dalam soal perikanan. Tetapi nampak-nya tidak memberi hasil apa<sup>2</sup>. Dengan kerana itu FAMA dengan perba-danan-nya telah gagal juga saperti sharikat kerjasama juga telah gagal dalam membela nasib kaum nelayan.

Saya perchaya sharikat kerjasama telah gagal. Kalau tidak Rang Undang<sup>2</sup> ini tidak perlu di-kemukakan, kalau ra'ayat telah dapat melaksanakan kerja<sup>2</sup> mereka khususnya kaum nelayan telah dapat menjayakan ranchangan<sup>2</sup> mereka, perubahan nasib mereka melalui sharikat kerjasama, maka tidak ada sebab untuk kita kemukakan Rang Undang<sup>2</sup> yang saperti ini.

Di-dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini, Tuan Yang di-Pertua, dalam Bahagian II, Fasal 5 menyebutkan tugas atau tujuan Persatuan Nelayan Kawasan:

"5. (a) menguruskan dan mengendalikan ranchangan bantuan kewangan untuk mengadakan sumber<sup>2</sup> kredit dan modal bagi ahli<sup>2</sup>;"

Ini satu langkah yang baik, sa-bagai menjawab kapada masa'alah orang tengah yang membekalkan wang yang menyebabkan nelayan<sup>2</sup> terikat sa-lama<sup>2</sup>-nya. Saya ingin mendapat penerangan yang jelas dalam perkara:

"(b) memajukan pelajaran dan latehan bagi ahli termasuk pengidaran maklumat mengenai perkara<sup>2</sup> yang mungkin menarek perhatian ahli;"

Apa-kah Menteri yang berkenaan mempunyai ranchangan untuk mendirikan sekolah<sup>2</sup> perikanan. Sa-lain daripada apa yang kita dengar di-Pulau Pinang bagi melateh atau sa-kurang<sup>2</sup>-nya memberi kursus sengkak dalam hal<sup>2</sup> perikanan dan pengurusan supaya maksud ini terchapai atau hanya membiarkan sa-mata<sup>2</sup> kapada persatuan dan penyelia-nya memberi nasehat dan pimpinan.

Dalam Bahagian IV, saya ingin juga mendapat penjelasan untuk meyakinkan sa-jauh mana kejayaan yang akan di-dapati dari Rang Undang<sup>2</sup> ini tentang penyelia. Apa-kah Kerajaan telah mempunyai chukup orang yang berkelayakan sa-bagai penyelia atau sa-kadar mengambil orang<sup>2</sup> yang berkelulusan F.M.C. untuk memberi kerja dan

mereka juga sedang bekerja sambil belajar, hasil-nya tidak akan membawa apa<sup>2</sup> kepada ranchangan yang besar ini untuk menolong nelayan<sup>2</sup>. Saya kira Kerajaan tentu berusaha untuk menjayakan dan kejayaan itu bergantung kepada kecekapan dan kebolehan orang<sup>2</sup> yang menjadi penyelia bagi melateh dan memandu mereka yang terlibat di-dalam persoalan nelayan ini. Sekian.

**Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan<sup>2</sup> sambil memberi sokongan yang penoh kepada Rang Undang<sup>2</sup> ini.

Sahabat saya Senator Dato' Nik Hassan telah mengemukakan masalah kesukasan bagi memasarkan ikan<sup>2</sup> terutama sa-kali ikan<sup>2</sup> masin yang datang daripada Kelantan dan sa-bagai-nya. Sa-bagaimana yang barangkali saudara<sup>2</sup> sedia ma'alom ia-itu sa-lain daripada Rang Undang<sup>2</sup> Persatuan Nelayan ini, pehak Kerajaan telah pun mengadakan satu lagi Rang Undang<sup>2</sup> yang akan di-bentangkan sa-lepas daripada ini, ia-itu berkenaan dengan menubuhkan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia ini akan menjalankan peranan-nya menolong nelayan<sup>2</sup> di-dalam usaha memajukan perusahaan perikanan di-dalam negeri ini dengan membena bot<sup>2</sup> dan juga mengadakan pukot<sup>2</sup> dan memberi bot<sup>2</sup> ini sama ada dengan sa-chara sewaan, pinjaman atau pun sa-chara hire purchase dan lain<sup>2</sup> kepada nelayan<sup>2</sup> yang ada di-dalam negeri ini.

Sa-lain daripada itu pehak Kerajaan juga ada menyediakan peruntukan pada tiap<sup>2</sup> tahun di-bawah Ranchangan Malaysia Kedua ini, ia-itu peruntukan bagi menolong nelayan<sup>2</sup> dalam usaha mendapat bot atau pun pukot<sup>2</sup> ini, ia-itu satu bantuan yang ta' lebih daripada 30% daripada harga bot atau pun pukot<sup>2</sup> akan di-beri kepada nelayan<sup>2</sup> yang membena atau pun membeli bot<sup>2</sup> itu. Jadi dengan keadaan yang demikian ini sa-sorang nelayan atau sa-kumpulan nelayan itu menerusi Persatuan<sup>2</sup> Nelayan atau Sharikat<sup>2</sup> Kerjasama Nelayan boleh mendapat bot dengan mengeluarkan modal yang sedikit dan kemudian mendapat pinjaman daripada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan dapat memberi pertolongan atau subsidy daripada pehak Kerajaan sendiri.

Jadi ini ada-lah langkah<sup>2</sup> bagi menolong nelayan<sup>2</sup> bagi mendapatkan bot dan pukot<sup>2</sup>

bagi masa yang akan datang. Sa-lain daripada itu pehak Kementerian saya juga ada menyediakan satu projek untuk memberi sa-chara terus atau direct grant kepada nelayan<sup>2</sup> bagi mendapatkan injen<sup>2</sup> bot kepada mereka yang tidak mempunyai injen bot pada masa sekarang ini. Barangkali pada masa sekarang ini ada lebih kurang 10 ribu nelayan<sup>2</sup> kita lagi yang maseh menggunakan dayong bagi menangkap ikan dan sa-bagai-nya, maka kita fikir ada-lah sampai masa-nya bagi pehak Kerajaan memberi pertolongan kepada nelayan<sup>2</sup> ini bagi mendapatkan injin kepada bot<sup>2</sup> mereka. Maka langkah bagi memberi injin sa-chara direct grant ini akan di-jalankan oleh Kerajaan di-bawah Ranchangan Malaysia Kedua ini.

Sa-lain daripada itu pehak FAMA juga telah pun membuat satu ranchangan bagi mengadakan pemasaran ikan dan ini akan di-laksanakan di-akhir tahun ini dalam sabulan dua lagi. Dan di-bawah ranchangan ini pehak FAMA ada-lah bekerjasama dengan orang<sup>2</sup> tengah, orang<sup>2</sup> pasar, market keepers dan lain<sup>2</sup> bagi menjayakan ranchangan perikanan ini.

Saya suka-lah memberi pandangan kepada Dewan ini, ia-itu masalah memasarkan ikan ada-lah berlainan sama sa-kali dengan memasarkan jenis<sup>2</sup> bahan pengeluaran pertanian sa-umpama padi atau pun jagong dan sa-bagai-nya kerana padi dan jagong tidak akan menjadi rosak kalau sa-kira-nya tidak dapat di-jualkan petang itu atau pun pada hari besok-nya. Tetapi ikan kalau sa-kira-nya di-bawa naik ka-darat hari ini tidak di-masok ka-dalam cold storage atau sa-bagai-nya, petang itu juga atau pagi besok ikan<sup>2</sup> itu akan busok, dan menjual ikan pula berlainan daripada menjual padi, atau menjual jagong, kerana menjual ikan bukan-lah bergantung sa-mata<sup>2</sup> kepada orang yang membeli ikan di-pantai, tetapi bergantung kepada orang yang menangkap ikan, lepas tangkap ikan jual kepada paraeh, daripada paraeh dia hantar pergi ka-market, daripada market—wholeseller, daripada wholeseller di-hantar kepada distributor atau pembahagi, daripada pembahagi dia pergi ka-retailer, daripada retailer dia pergi kepada distributor yang bawa motosikal atau motokar kecil pergi ka-rumah<sup>2</sup>, baharu-lah sampai kepada consumer atau orang yang membeli.

Jadi kalau sa-kira-nya salah satu daripada sistem ini rosak boleh jadi semua sa-kali perniagaan ikan itu akan rosak. Jadi dengan

sebab itu pehak Kementerian dan juga FAMA memikirkan dalam masa'alah memasarkan ikan ini kita harus mendapat kerjasama daripada semua pehak, ia-itu daripada pehak penge-luar, daripada pehak market, daripada pehak distributor dan lain<sup>2</sup> dan di-situ-lah kita kumpul untuk menjalankan sistem pemasaran ikan bagi masa akan datang.

Rundingan dengan pehak market dan sa-bagai-nya telah pun di-adakan sejak beberapa bulan yang sudah dan keputusan yang akhir telah di-dapati dan kita akan melancarkan ranchangan ini ta' berapa lama lagi.

Masa'alah berkenaan dengan susah memasar tadi, saya katakan kalau sa-kira-nya kita ada Persatuan Nelayan yang baik macham ini dan kalau kita dapat pula mengadakan ranchangan pemasaran kerjasama yang penoh daripada orang market, orang pasar, distributor dan lain<sup>2</sup>, saya perchaya perkara susah menjual ikan kering ini tidak akan berbangkit pada masa yang akan datang.

Senator Nik Hassan juga menyatakan ia-itu pehak nelayan ini kurang pimpinan, berkehendakkan kepada pemimpin, maka dengan sebab itu-lah kita menubuhkan Persatuan Nelayan.

Yang Berhormat Enche' Amaluddin Darus menyatakan sharikat kerjasama gagal, FAMA gagal dan sa-bagai-nya. Maka di-sini saya menyatakan dengan terus-terang ia-itu FAMA tidak gagal 100%, barangkali adalah satu dua sharikat kerjasama yang gagal, ini tidak berma'ana sharikat kerjasama seluruh-nya gagal. Bagitu juga FAMA, dia belum lagi menjalankan ranchangan pemasaran ikan-nya, maka dengan sebab itu tidak-lah boleh di-katakan FAMA gagal, tetapi FAMA telah berjaya di-dalam ranchangan pemasaran padi dan ranchangan<sup>2</sup> yang lain.

Dengan ada-nya Persatuan Nelayan ini pehak Kerajaan akan meletakkan beberapa orang pegawai Kerajaan untuk memimpin Persatuan Nelayan sa-bagaimana kita meletakkan masa menubuhkan Persatuan Peladang, kita menghantar lima orang pegawai Kerajaan, satu pangkat A.A. atau pun Pegawai Pertanian dan empat orang pegawai Pertanian Muda untuk memimpin satu Persatuan Peladang. Dan kita akan letakkan, barangkali dalam sa-orang atau dua orang pegawai Kerajaan untuk memimpin tiap<sup>2</sup> satu Persatuan Nelayan. Tetapi saya suka-lah

menegaskan di-sini ia-itu perkara yang dibangkitkan oleh Senator Dāsimah Dasir ia-itu meminta supaya di-beri layanan kepada Pulau Pinang supaya dapat menubuhkan Persatuan Nelayan, jangan jadi macham hendak menubuhkan sharikat kerjasama, ta' dapat dan sa-bagai-nya. Di-sini saya suka tegaskan ia-itu Persatuan Nelayan tidak boleh di-tubuhkan mengikut sa-wenang<sup>2</sup>-nya dan tidak boleh di-tubuhkan mengikut kehendak hati sa-siapa, melainkan kita telah tetapkan satu<sup>2</sup> Persatuan Nelayan itu hendak-lah di-tubuhkan mengikut satu<sup>2</sup> district atau sa-kurang<sup>2</sup>-nya satu<sup>2</sup> mukim. Jadi kita ta' boleh tubuhkan dua Persatuan Nelayan dalam satu<sup>2</sup> mukim, atau tiga Persatuan Nelayan dalam satu mukim sa-bagai-mana kita boleh menubuhkan sharikat kerjasama pada masa yang sudah<sup>2</sup>.

Jadi dengan sebab itu bagi masa yang akan datang Persatuan<sup>2</sup> Nelayan ada-lah di-pimpin oleh pegawai<sup>2</sup> Kerajaan yang di-tetapkan oleh Kementerian sendiri.

Yang Berhormat Dato' Nik Hassan juga menhadangkan supaya nelayan dan pengusaha ikan dapat menjadi ahli ia-itu pengusaha<sup>2</sup> di-darat sa-bagai tukang proses dan sa-bagai-nya. Jadi saya rasa di-dalam undang<sup>2</sup> ini sendiri Bab II, kita telah di-beri kebenaran ini ia-itu:

"11. (1) (a) mana<sup>2</sup> orang yang bekerja menangkap, mengutip atau, memelihara hidu-hidupan dalam ayer sa-lama tempoh sa-kurang<sup>2</sup>-nya sembilan puluh hari dalam sa-tahun" itu ada-lah ahli Kelas A;

"(b) mana<sup>2</sup> orang yang bekerja sa-bagai memproses, mengendali atau berniaga ikan"—dia boleh menjadi ahli Kelas B.

Kemudian ahli Kelas C—" (c) mana<sup>2</sup> orang yang mendapat enam puluh peratus atau lebeh daripada jumlah pendapatannya dari bekerja dalam perusahaan menangkap ikan.

Dan satu lagi ahli ia-itu ahli bersekutu ada-lah mengikut 11 (2)."

Jadi di-sini nampak-lah kepada kita ia-itu Persatuan Nelayan ini di-buka kepada semua pehak, ahli menangkap ikan, ahli yang memproses di-atas darat, bagitu juga orang yang ada terlibat di-dalam masalah perusahaan perikanan. Tetapi kita juga mengadakan peruntukan di-sini menjaga kepentingan ahli yang tulin ia-itu ahli<sup>2</sup> penangkap ikan ia-itu di-dalam semua Jawatan-kuasa sa-kurang<sup>2</sup>-nya 3/5 daripada Jawatan-kuasa mesti-lah daripada orang yang menjadi ahli di-bawah Kelas 11 (1) (a) ia-itu ahli nelayan sendiri,

3/5 daripada-nya. 2/5 boleh daripada orang lain. Dan dengan keadaan demikian kekuatan mengundi di-dalam Persatuan Nelayan itu ada-lah dudok-nya di-dalam tangan nelayan<sup>2</sup> tulin, dan dengan keadaan demikian mereka boleh-lah menjaga kepentingan mereka.

Yang Berhormat Dato' S. O. K. Ubaidulla meminta supaya pihak Kerajaan menjalankan survey berkenaan dengan fish resources survey. Perkara ini sedang di-jalankan dan kita telah pun siap menjalankan survey di-Pantai Timor, Malaysia Barat ia-itu daripada sempadan Thailand ka-Singapura. Dan kita juga telah menjalankan di-Pantai Barat, Malaysia Barat daripada Langkawi sampai ka-Melaka dan barangkali sa-lepas ini kita akan pula menjalankan siasatan kita di-sabalah Sabah dan Sarawak. Maka di-sini saya suka-lah menjelaskan, ia-itu daripada apa yang kita kaji dan apa yang kita dapati di-Pantai Timor, Malaysia Barat ia-itu pantai Kelantan, Trengganu dan Pahang ada-lah kaya dengan ikan atau sumber<sup>2</sup> ikan di-laut itu.

Dan sa-lain daripada itu meminta supaya di-adakan expert untuk memberi latehan berkenaan dengan fishing processing dan marketing. Berkenaan dengan perkara ini saya suka-lah menjelaskan di-sini ia-itu pada masa sekarang ini kita ada satu yunit latehan berkenaan dengan pukot tunda yang sedang di-jalankan di-Pantai Timor dan kita mendapat bantuan daripada pihak Kerajaan negeri Jerman atau Germany dan latehan ini telah atau sedang di-beri kepada nelayan<sup>2</sup> di-Pantai Timor. Nelayan<sup>2</sup> di-Pantai Barat mereka ini telah pun mahir dalam masalah pukot tunda. Jadi tidak-lah mustahak kita beri latehan kepada mereka. Chuma pihak yunit ini memberi tunjok ajar berkenaan dengan bagaimana hendak menggunakan papan yang lebeh baik—auto-board yang lebeh baik dan sa-bagai-nya dan chara menggunakan net atau pukot yang lebeh baik lagi. Itu sahaja-lah. Tetapi sa-chara hendak menangkap, mereka sendiri telah pun faham barangkali lebeh faham dari expert yang datang daripada Germany itu.

Yang Berhormat Dato' Dr Cheah Toon Lok meminta supaya pihak Kerajaan memberi scholarship kepada anak<sup>2</sup> nelayan dan sa-bagai-nya. Berkenaan dengan perkara ini sa-bagaimana yang barangkali Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat sedia ma'alum, pihak Kerajaan, sa-lain daripada ada dua buah Sekolah Per-

ikanan sekarang ini, ia-itu satu di-Pulau Pinang dan satu di-Kuala Trengganu. Pihak Kerajaan sedang membena, hari ini, satu Institute Latehan Perikanan di-Pulau Pinang dan pengambilan yang pertama akan di-jalankan atau di-buat pada bulan September ia-itu bulan hadapan dan pengambilan yang pertama ia-lah sa-ramai 60 orang dan kita berharap akan dapat melateh pada sa-kali masa 100 orang atau 120 orang dan saya memberi akuan-lah kepada Dewan ini ia-itu kebanyakan daripada yang di-lateh ini akan datang-nya daripada anak<sup>2</sup> nelayan sendiri. Jadi ini ada-lah semua yang di-tanggung oleh Kerajaan, mereka pergi belajar di-situ di-tanggung oleh Kerajaan dengan tidak payah membayar walau satu sen sa-kali pun. Kita dapat bantuan projek instituit ini ia-lah di-bawah bantuan U.N.D.P. dan kita menguchapkan terima kaseh kepada badan Bangsa<sup>2</sup> Bersatu itu.

Senator Abdul Rahim Manan daripada Negeri Sembilan menyatakan berkenaan dengan permainan orang tengah dan sa-bagai-nya. Maka saya suka-lah menegaskan di-sini dengan ada-nya Persatuan Nelayan ini kelak di-mana semua pihak, sama ada nelayan sendiri atau orang tengah, processor, apa juga, masok menjadi ahli Persatuan Nelayan maka di-situ-lah kita dapat mengadakan control yang baik. Kerana saya sendiri telah melawat Chosan, Korea dan saya dapati di-sana tiap<sup>2</sup> nelayan, tiap<sup>2</sup> orang yang mengambil bahagian di-dalam perusahaan ikan dan sa-bagai-nya mesti masok menjadi ahli Persatuan Nelayan dan kalau sa-kira-nya salah sa-orang melanggar apa<sup>2</sup> Undang<sup>2</sup> dan mithal-nya orang itu di-pechat daripada menjadi ahli Persatuan Nelayan, maka orang itu sampai bila<sup>2</sup>, melainkan di-ma'afkan, tidak akan dapat bekerja di-dalam perusahaan perikanan di-tempat itu lagi. Jadi itu-lah chara kekuatan Persatuan Nelayan yang ada di-Chosan, Taichong, Taiwan dan lain<sup>2</sup> lagi. Jadi saya sendiri sa-benar-nya mendapat pandangan daripada Chosan, Taichong, dan sa-bagai-nya. Perkara itu di-bawa mari ka-sini untuk di-baikkkan kehidupan nelayan kita yang ada di-sini.

Yang Berhormat Che' Dasimah Dasir meminta supaya lantekan Penyelia itu, kalau hendak di-lantek dari Pulau Pinang tolong-lah pilih orang Pulau Pinang, kalau hendak lantek di-Kelantan tolong-lah pilih orang Kelantan.

Di-sini saya beri akuan-lah, kalau sa-kiranya hendak di-lantek Penyelia untuk Pulau Pinang, saya akan lantek dari Pulau Pinang dan kalau di-Kelantan dari Kelantan tetapi bukan-nya orang Kelantan, bukan-nya orang Pulau Pinang tetapi ia-lah Pegawai Perikanan Pulau Pinang dan Pegawai Perikanan di-Kelantan (*Ketawa*). Kerana Penyelia Persatuan Peladang ini ia-lah Pegawai<sup>2</sup> Perikanan di-tiap<sup>2</sup> negeri itu bagitu juga Penyelia Persatuan Peladang ia-lah Pegawai Pertanian didalam tiap<sup>2</sup> buah Negeri. Jadi lantekan Penyelia ini bukan-lah lantekan politik—bukan. Ini ada-lah lantekan technical pegawai itu sendiri, pegawai iktisas itu sendiri dia menjadi pegawai yang menjaga Persatuan Nelayan di-tempat itu. Ini bukan-lah macham lantekan Penyelia Kelas Dewasa—bukan, ini soal perkhidmatan pegawai Kerajaan.

Kemudian apa jadi kapada sharikat kerjasama nelayan yang sudah<sup>2</sup> dan dia kata Menteri pun tidak tahu hal keadaan berlaku di-Pengkalan<sup>2</sup> dan sa-bagai-nya. Jadi saya tidak-lah hendak mengaku saya lebeh faham, kerana saya tidak dudok di-Pengkalan atau tidak dudok di-kampong nelayan, tetapi daripada apa yang saya faham perkara lebeh burok berlaku di-kalangan nelayan ia-lah bila dia naik ka-darat dia jual ikan kadang<sup>2</sup> wang yang harga ikan itu pun dia tidak dapat tengok. Itu-lah yang sa-habis burok-nya. Dia dapat mithal-nya \$10 di-simpan \$10 di-kedai kopi, jadi di-ulang minum kopi di-situ sampai habis duit yang \$10 itu baharu dia pergi ka-laut. Jadi ini-lah perkara yang berlaku di-kampong<sup>2</sup> nelayan, jadi sungguh pun saya bukan sa-orang nelayan tetapi daripada apa yang saya kaji, saya siasat dan perhubungan saya dengan nelayan sa-lama 6 tahun atau 7 tahun ini, saya rasa, saya chukup faham-lah dengan sebab itu-lah undang<sup>2</sup> ini di-bawa untuk hendak membaiki kehidupan mereka pada masa yang akan datang ini.

Berkenaan dengan permohonan Senator itu untuk menubuhkan sharikat kerjasama, kata-nya tidak dapat, kemudian dia di-tendang macham bola dan sa-bagai-nya. Saya berasa dukachita-lah kerana perkara ini yang sa-benar-nya tidak sampai kapada saya. Tetapi untuk Persatuan Nelayan ini saya telah pun mengkaji di-Pulau Pinang itu, kalau Pulau Pinang itu betul akan di-bahagikan kapada 3 sahaja ia-itu 3 Persatuan Nelayan sa-tinggi<sup>2</sup>-nya yang akan dapat di-tubuhkan di-Pulau Pinang: satu ia-lah daripada Sungai Acheh membawa ka-Batu Peringgi, satu dari-

pada Batu Peringgi membawa ka-kawasan dekat Batu Maung dan daripada Batu Maung balek ka-Sungai Acheh. Jadi itu-lah 3 Persatuan Nelayan yang kita akan dapat tubuhkan di-Pulau Pinang—hendak lebeh daripada itu barangkali kita tidak dapat. Kerana dasar Persatuan Nelayan ini kita tidak hendak banyak Persatuan Nelayan tetapi kita hendak yang effective, mempunyai ahli sa-kurang<sup>2</sup>-nya 1,000 orang dan dengan ada ahli banyak, modal banyak baharu-lah dapat menjalankan perniagaan. Jadi biar tahan badan atau unit itu kechil tetapi biarlah biiangan ramai, wang banyak dan sa-bagai-nya maka di-situ kita dapat menjalankan perusahaan yang baik.

Rakan saya Senator Amaluddin Darus meminta supaya di-adakan ranchangan<sup>2</sup> khas berkenaan dengan pelajaran sa-lain daripada apa yang ada di-sekolah Pulau Pinang dan di-Trengganu, itu-lah saya terangkan tadi ia-itu kita akan mengadakan Institute Latehan Perikanan dan juga kita mengadakan ranchangan pukut tunda dan kita juga mengadakan latehan<sup>2</sup> khas berkenaan dengan menggunakan alat<sup>2</sup> yang modern sa-umpama kita membawa nelayan<sup>2</sup> daripada Kelantan ka-Kedah, ka-Pulau Pinang dan nelayan Pahang di-hantar ka-Pulau Pinang, dari Sabah dan Sarawak kita bawa ka-mari sampai ka-Kedah dan Pulau Pinang untuk memberi latehan dari satu masa ka-satu masa dalam masaalah memberi latehan kapada nelayan yang kechil<sup>2</sup> ini. Theori tidak berguna melainkan yang berkehendakkan prektikal. Jadi kita bawa nelayan itu sendiri hantar pergi ka-Kedah, hantar pergi ka-Pulau Pinang, buboh masok dalam bot belayar ka-laut. Di-situ-lah dapat pengalaman yang lebeh baik daripada kita mengadakan theori, sekolah itu, sekolah ini, balek dia tidak boleh buat kerja, bila dia pergi ka-laut dia mabok laut, pening kepala. langsung ikan tidak tangkap (*Ketawa*).

Jadi itu-lah chara-nya kita beri latehan ia-itu sa-chara prektikel.

Berhubung dengan Penyelia, saya telah terangkan tadi ia-itu ini bukan masaalah soal politik tetapi Penyelia ada-lah terdiri daripada pegawai Kerajaan sendiri. Terima kaseh.

**Puan Dasimah Dasir:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka-lah menegaskan sa-kali lagi, walau pun bukan politik, tidak ada-kah orang di-Kelantan itu yang bijak pandai berkenaan dengan ikan atau pun di-Pulau

Pinang? Saya berharap jangan-lah bangkitkan politik dalam Majlis ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*).

*Fasal 1 hingga 33* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## RANG UNDANG<sup>2</sup> LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA

### Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menhadangkan satu Rang Undang<sup>2</sup> bertajok suatu Akta bagi menubuhkan sa-buah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan bagi membuat peruntokan<sup>2</sup> berkenaan perkara<sup>2</sup> berhubung dengan-nya di-bacha bagi kali yang kedua.

Rang Undang<sup>2</sup> ini ada-lah satu langkah ka-hadapan lagi di-dalam usaha<sup>2</sup> Kerajaan bagi menjamin dan meninggikan taraf hidup kaum nelayan yang mengandongi sa-ramai 64,000 orang di-Malaysia Barat dan 12,000 orang di-Malaysia Timor. Perusahaan perikanan merupakan satu perusahaan yang terbesar di-dalam ekonomi Malaysia daripada segi pengeluaran peluang bekerja.

Semenjak 10 tahun yang lalu perusahaan perikanan telah berkembang dengan pesatnya dengan bertambah pengeluaran ikan sa-banyak 11% sa-tahun pukul rata, ia-itu daripada 140,000 tan kepada 294,000 tan dan nilaiannya pula dari \$118 juta kepada \$226 juta. Kemajuan ini ada-lah berpuncha daripada chara<sup>2</sup> baharu penangkapan ikan saperti kegunaan bot berinjin dan alat<sup>2</sup> yang moden dan terkemuka sa-kali ia-lah perusahaan pukut tunda,

Ekspot ikan juga telah meningkat semenjak tiga tahun kebelakangan hingga tahun 1970. Pukul rata jumlah ekspot itu pada tiap<sup>2</sup> tahun ia-lah 90,000 tan berharga lebeh kurang \$96,200,000. Angka<sup>2</sup> ini ada-lah menunjokkan kejayaan yang lebeh baik jika di-bandingkan dengan harga ekspot sa-banyak chuma \$38 juta pada tahun 1965, ia-itu tahun yang mula<sup>2</sup> negara kita ini menjalankan ekspot ikan ka-luar negeri.

Kemajuan ini telah juga menambah pelaburan modal di-dalam perusahaan perikanan sa-bagaimana yang dapat di-lihat daripada jumlah bot<sup>2</sup> perikanan yang telah di-pasang injin. Di-dalam tahun 1965 ada sa-banyak 10,200 buah bot perikanan yang tidak berinjin di-bandingkan dengan hanya 8,204 buah bot yang berinjin. Tetapi pada tahun 1970 bilangan bot perikanan yang tidak berinjin telah pun berkurangan sa-hingga separoh daripada bilangan asal-nya, dan bilangan bot<sup>2</sup> yang berinjin telah meningkat kepada 14,870 buah bot. Bukan sahaja bilangan bot<sup>2</sup> perikanan itu bertambah, tetapi juga bot<sup>2</sup> ini makin besar ukoran-nya jika di-bandingkan dengan masa yang terdahulu.

Sungguh pun kemajuan saperti ini menggalakkan dan membanggakan, tetapi saya sedar sa-bagaimana juga kebanyakan Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat mungkin sedar bahawa sa-bilangan besar kaum nelayan maseh belum dapat menikmati hasil pendapatan sa-imbang dengan kemajuan yang telah di-chapai di-dalam perusahaan ini.

Kebanyakan mereka itu terbelunggu, sama ada daripada aspek penangkapan ikan serta orang<sup>2</sup> tengah. Jika keadaan ini berlanjutan neschaya hampir semua faedah yang diperolehi daripada pengeluaran ikan yang bertambah itu akan terdapat kepada mereka itu dan bukan kepada kaum nelayan sendiri.

Di-atas kesedaran ini-lah Kerajaan telah melancharkan ranchangan pinjaman dan bantuan untuk mengatasi keadaan itu melalui sharikat<sup>2</sup> kerjasama supaya nelayan<sup>2</sup> dapat memiliki bot dan alat<sup>2</sup> penangkapan ikan dan dengan ini tidak-lah terikat kepada orang<sup>2</sup> tengah. Dengan ini juga di-jangka nelayan<sup>2</sup> akan menikmati hasil yang terdapat dan sa-imbang dengan usaha<sup>2</sup>-nya.

Tetapi ranchangan<sup>2</sup> ini tidak sa-bagitu menchapai kejayaan saperti yang di-jangka-kannya. Dalam pada itu dengan ada-nya ranchangan<sup>2</sup> itu Kementerian saya telah dapat

memperolehi banyak bahan<sup>2</sup> untuk kajian atau sebab<sup>2</sup> yang membawa kepada kekurangan kemajuan itu supaya usaha<sup>2</sup> salanjutnya dapat pula di-chiptakan. Puncta yang terbesar sa-kali ia-lah kerana kekurangan sistem dan pengurusan yang sempurna dan yang berkesan. Sa-bilangan besar kaum nelayan itu sungguh pun mengetahui usaha<sup>2</sup> di-dalam penangkapan ikan, tetapi tidak-lah pula sa-bagitu chekap di-dalam menjalankan pengurusan perusahaan mereka dengan baik dan teratur, melainkan perlu-lah mereka itu di-bimbing dan di-pandu.

Masalah modal kredit pemasaran dan jentera pengurusan yang di-hadapi oleh nelayan<sup>2</sup> ada-lah penting kerana kaum nelayan sama ada persendirian atau perkumpulan memang tidak mampu mengadakan keperluan<sup>2</sup> ini. Oleh itu maka jelas-lah bahawa penubuhan sa-buah Perbadanan sangat<sup>2</sup> di-kehendaki supaya dapat di-antara lain menjalankan peranan<sup>2</sup> untuk :

- (i) menggalakkan dan memajukan pengurusan yang chekap dan berkesan mengenai usaha<sup>2</sup> perikanan,
- (ii) mengadakan dan menyelia kemudahan<sup>2</sup> kredit bagi pengeluaran ikan dan bagi memastikan supaya kemudahan<sup>2</sup> ini di-gunakan sa-penoh<sup>2</sup>-nya, dan
- (iii) mengambil bahagian aktif di-dalam usaha<sup>2</sup> menangkap ikan.

Saya yakin bahawa sa-buah Lembaga seperti ini akan menjadi satu alat yang berkesan untuk menguruskan ranchangan<sup>2</sup> tertentu demi kepentingan kaum nelayan semua. Lembaga ini dapat bergerak dengan lebeh teratur dan pesat kerana ia-nya dapat memberi perkhidmatan<sup>2</sup> yang perlu yang datang-nya daripada pegawai<sup>2</sup> dan juga pengurus<sup>2</sup>-nya sendiri dengan tumpuan penoh terhadap perusahaan perikanan.

Lembaga ini akan menjadi satu badan memberikan kredit dan ranchangan ini dapat di-uruskan dengan lebeh sempurna. Dengan penubuhan Lembaga ini berma'ana-lah bahawa Kerajaan bagi julong<sup>2</sup> kali-nya memainkan peranan sa-chara langsung di-dalam pengeluaran ikan bagi pehak kaum nelayan dalam usaha meninggikan taraf hidup mereka. Ini ada-lah sa-laras dengan dasar ekonomi baharu Kerajaan. Ini ada-lah sa-bagai intisari tugas<sup>2</sup> Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia yang di-chadangkan ini.

Saya perchaya, mungkin ada orang<sup>2</sup> berpendapat bahawa penubuhan Lembaga ini mungkin bertindeh dan berchanggih tugas<sup>2</sup>-nya dengan tugas<sup>2</sup> Bahagian Perikanan dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Saya suka menyatakan di-sini bahawa fungsi<sup>2</sup> Lembaga ini yang utama ada-lah sa-mata<sup>2</sup> menyampaikan perkhidmatan kepada kaum nelayan sa-bagai pengusaha<sup>2</sup> pengeluaran (producers) dan tidak menyentoh atas tugas<sup>2</sup> yang di-jalankan oleh Jabatan<sup>2</sup> dan badan<sup>2</sup> Kerajaan yang lain.

Sekarang saya akan berchakap sedikit tentang beberapa perkara yang penting mengenai Rang Undang<sup>2</sup> ini.

Fasal 4 Rang Undang<sup>2</sup> ini ada-lah menentukan tugas<sup>2</sup> Lembaga, ia-itu untuk menggalak dan memajukan pengurusan perusahaan perikanan, mengadakan dan menyediakan kemudahan<sup>2</sup> kredit dan mengambil bahagian di-dalam enterprises perikanan.

Fasal 4 cheraian kecil (2) Rang Undang<sup>2</sup> ini menyatakan kuasa<sup>2</sup> yang di-beri kepada Lembaga.

Fasal 4 cheraian kecil (3) Rang Undang<sup>2</sup> ini membolehkan Lembaga menubuh satu perbadanan untuk menjalankan dan mengurus apa juga projek, ranchangan atau enterprises perikanan.

Fasal 5 Rang Undang<sup>2</sup> ini membolehkan Lembaga melantek pegawai<sup>2</sup> dan penjawat<sup>2</sup> Lembaga ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

**Dato' S. O. K. Ubaidulla:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

*(Dengan izin)* Tan Sri Yang di-Pertua, I welcome most heartily the formation of the Lembaga Usaha Ikan Malaysia. Sir, the Lembaga is poised to help the fishermen to make them economically sound and industrially modern.

Sir, the Honourable Minister in his speech during the debate on the Fishermen's Associations Bill, had given us an elaborate picture of the good assistance the Government is offering to fishermen. He mentioned about the Fishermen's Training Institute in Penang. I am aware that this Institute is

intended to provide training in navigation, seamanship, gear maintenance and modern fishing techniques. I am told, Tan Sri Yang di-Pertua, that this Institute is not yet able to provide all the trainings—I am subject to correction. Sir, if it is so, it should become soon a full-fledged Institute offering all the intended courses to assist the fishermen. And I am also happy to hear that this Institute has taken sixty persons, and among them men from Sabah and Sarawak are also included. Sir, our fishermen expect this help from the economic assistance and training programme of the Government. If this helping hand is given to them, many of them would move from low productivity inshore fishing to modern sector industry.

Sir, talking generally on our fishermen's need, one could say that our fishermen are still suffering without sufficient landing facilities. These should be made not only available in the fishing ports but also in the commercial ports where even small-time fishing is being done. Warehouses are of great importance to give them the security which is essential. I need hardly add how important are boat-yards and ice-making facilities on the shore of the fishing ports.

Sir, the Honourable Minister mentioned in his last speech about cold storage and processing facilities, but I would say that they are still inadequate and yet to develop on very modern lines. Sea-food processing has become a very highly skilled and competitive business. Sir, for instance, Japan imports sea-food from various countries including Malaysia. After importing the sea-food from other countries, they re-process the imported sea-food and re-export to foreign countries. They are processed by such modern method that while imported cost of a pound of sea-food might be \$1 to them, but the selling price of this reprocessed sea-food in foreign countries would be \$4 per pound. Sir, their processing has become so modern that they can buy from other countries like raw materials and re-process to fetch four times of the value. This indicates how highly skilled this re-processing in sea-food is, and illustrates the good profit we stand to gain by modernising our processing.

Sir, the Second Malaysia Plan proposes to give the authority a trawler fleet of 300 in number before the year 1975. This number will go to the East Coast West Malaysia. To my mind, Sir, this figure is not ambitiously

high enough. Taking into account of the vast fishing resources and the very encouraging news which we heard from the Honourable Minister just now, that our East Coast is very rich in sea-food resources, I would like the Government to step up their programme of trawler-giving to East Coast and indeed increase them to a higher number than 300 which is to be given in the Plan period.

Sir, I would like also to remind the Honourable Minister about the West Coast. Though they have attained skill and proficiency in trawler fishing, still the need for trawler boats are there in the West Coast. Even West Coast should get a quota of trawler boats.

Talking about trawler boats, I would like to acquaint the Honourable Members of the very modern trawler boats that are being built by some of the Ship-building nations. Some of the latest trawler boats are factories themselves. They not only catch the fishes but they process them and tin them then and there. This type of latest trawler-factory boats must be bought by our Government, so that we can tin sardines and shrimps not only to increase the profit factor of our catches but also to use locally here as import substitutes in sea-food. I am really very encouraged by the clarity and exhaustiveness of the reply the Honourable Minister gave us when he was concluding the Fishermen's Associations Bill. That gives a very clear indication of the keenness he is showing in the fishing industry and the welfare of the fishermen. I would like to specially pay him a compliment and would like him to continue the good work he is doing. Thank you.

**Tuan Amaluddin bin Darus:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan untuk mengalu<sup>2</sup>kan Rang Undang<sup>2</sup> ini kerana saya terpaksa berkata yang benar bahawa langkah yang telah di-ambil oleh Kerajaan ini satu langkah yang bijaksana kerana itu saya harus mengalu<sup>2</sup>kan Rang Undang<sup>2</sup> yang di-kemukakan ini.

Dalam pada itu, saya suka hendak menarek perhatian kepada usaha<sup>2</sup> atau pun tugas<sup>2</sup> dari Lembaga Usaha Ikan Malaysia, yang mungkin saya keliru atau salah pendapat atau mungkin juga Kerajaan silap menyusun dan mengator, sebab perkara itu semua-nya boleh berlaku. Dalam butiran kecil atau pun pechahan-kecil daripada Fasal 4 (2) (a) yang berbunyi:

“(a) bagi menjalankan segala kegiatan yang pada pendapat-nya perlu, berfaedah atau sesuai untuk atau berhubung dengan menjalankan

tugas<sup>2</sup>-nya termasuk kegiatan mengangkut, memindah, membungkus, memproses, menyimpan, memperingkat dan menjual ikan dengan lelong dan juga lain<sup>2</sup> chara pemasaran ikan am-nya."

Tugas ini terlalu luas, sa-hingga apa yang di-ucapkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi mungkin ada orang yang nampak bertentangan antara satu sama lain dan ini jelas sa-kali. Sa-belum saya pergi lebeh jauh, saya ragu<sup>2</sup> tentang kegiatan pengangkutan. Apa-kah mengangkut ini maksud-nya pengangkutan di-ayer atau di-laut atau pun pengangkutan di-darat, tetapi dari apa yang dapat di-fahami di-sini mengangkut, memindah, memproses erti-nya berhubung dengan pengangkutan di-darat.

Kalau Lembaga Usaha Ikan Malaysia dalam kerja<sup>2</sup>-nya untok menjayakan ranchangan perikanan bagi ikan ayer tawar atau ayer masin, sudah champor kapada soal pengangkutan, maka dia bertentangan dengan usaha<sup>2</sup> yang lain dari gulongan ra'ayat di-dalam negara kita yang biasa melaksanakan kerja<sup>2</sup> pengangkutan. Saya tidak berasa mushkil apa<sup>2</sup> tentang memindah, kerana memindah dari ayer naik ka-darat atau membungkus, atau usaha<sup>2</sup> yang betul<sup>2</sup> berkesan bagi memproseskan-nya. Kalau proses<sup>2</sup> itu boleh membawa kapada apa yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Dato' S. O. K. Ubaidulla, ia-itu chara orang lain impot ikan dari kita, kemudian re-export sa-sudah di-proses boleh membuat wang yang lebeh banyak, erti-nya memberi pertolongan, memberi harga yang lebeh baik kapada kaum nelayan, maka langkah itu ada-lah satu langkah yang bijak dalam usaha memproses termasuk dalam kegiatan<sup>2</sup> atau tugas<sup>2</sup> lembaga ini. Mithal-nya kita melihat berapa terpisah-nya antara satu tempat ka-satu tempat kaum nelayan itu. Kadang<sup>2</sup> ada tempat yang berdekatan antara dua batu, ada kampong<sup>2</sup> kaum nelayan. Jika Kerajaan dengan Rang Undang<sup>2</sup> ini bermaksud untok mengadakan usaha lelong dan itu satu langkah yang sangat bijak bagi mempercepatkan laku-nya ikan<sup>2</sup> yang tidak dapat di-tunggu lama<sup>2</sup> dan pula erti-nya mendapat harga yang lebeh tinggi harus ada pusat<sup>2</sup> nelayan dengan pengkalan mereka, dimana di-pusat itu-lah di-jadikan tempat lelong. Semua orang yang akan membeli ikan boleh datang untok menangkap lelong dan lelong itu menentukan harga yang lebeh tinggi yang akan di-beri kapada sa-siapa yang menawarkan-nya lebeh tinggi. Dan di-pusat<sup>2</sup>

itu juga dapat di-jalankan usaha<sup>2</sup> mithal-nya ikan<sup>2</sup> kembong atau ikan termenong boleh di-jadikan ikan lengat atau ikan kukus. Jadi, di-usaha oleh Lembaga Usaha Ikan Malaysia ini satu pusat yang tertentu, yang kemudian dapat di-distribute, di-bahagikan kapada seluruh-nya. Dan ikan ayer tawar juga, apa yang saya tahu menjadi amalan orang<sup>2</sup> kita di-kampong, orang<sup>2</sup> tani, ikan<sup>2</sup> macham ikan sepat itu dapat di-jadikan pekasam.

Jadi, kapada Lembaga Usaha Ikan ini nampak pekasam boleh di-luaskan pemasaran-nya boleh di-lancharkan, kerja mengadakan Pusat Pekasam Ikan Darat ia-itu satu langkah yang boleh mendatangkan wang. Sa-lain daripada itu, pada am-nya, tujuan Lembaga ini ia-lah hendak menjalankan usaha menangkap ikan itu sa-chara besar<sup>2</sup>an kerana sa-chara kechil<sup>2</sup>an telah di-jalankan lama oleh orang<sup>2</sup> kita semenjak nenek moyang kita lagi. Soal-nya bagaimana kita dapat menolong nelayan<sup>2</sup> kita dengan pengetahuan dan mata benda yang membolehkan mereka berlumba<sup>2</sup> menangkap ikan di-lautan lepas erti-nya lautan yang lebeh besar, lebeh jauh dari negeri kita, bukan dengan motobot<sup>2</sup>, moto sangkut, tetapi yang menggunakan steamer atau pun kapal<sup>2</sup> kechil, kapal<sup>2</sup> nelayan yang biasa di-gunakan oleh pengusaha<sup>2</sup> yang maju di-negeri<sup>2</sup> lain. Ini yang mesti di-perbuat kerana kita tidak mahu orang berebut sampai bertembak atau bertikam antara nelayan<sup>2</sup> di-kawasan yang berdekatan dengan pantai, yang berebut kerana ikan.

Dan satu hal lagi, Tuan Yang di-Pertua, dalam Fasal 4 (2) (c) yang berbunyi:

"(c) bagi menjalankan usaha untok mendapatkan dan menjual perbekalan menangkap ikan dan juga kelengkapan dan barang<sup>2</sup> menangkap ikan."

Saya merasa menasabah sa-kira-nya maksud dan tugas ini sa-takat mengadakan motobot, itu pun kerana MARA ada tempat membuat kapal, penyimpan kapal-nya, tempat moto<sup>2</sup>-nya, erti-nya boleh di-usahakan oleh MARA, erti-nya tidak kita bertentangan satu sama lain. Boleh di-bekalkan nelayan<sup>2</sup> dengan bot<sup>2</sup> yang di-buat oleh Limbongan Kapal MARA tetapi kalau ini di-maksudkan bagitu luas, sampai dia hendak mendapatkan, hendak menyediakan sama sa-kali erti-nya sudah bertentangan sadikit sa-banyak.

Perbekalan menangkap ikan erti-nya seperti pukat pelampong dan sa-bagai-nya, barang<sup>2</sup> menangkap ikan ini sedang di-perniagakan, sedang di-perdagangkan oleh berbagai<sup>2</sup> golongan baik bumiputra dan bukan bumiputra dalam negeri kita ini. Kalau lembaga ini pula mengambil alih atau mengambil tanggung-jawab, saya perchaya dengan Undang<sup>2</sup> yang sedang berjalan di-negara kita free enterprise tidak boleh melarang mereka daripada menutup perusahaan perniagaan mereka. Jadi kalau sa-kira-nya lembaga ini mengambil daya utama hendak menjual perbekalan menangkap ikan dan juga kelengkapan barang<sup>2</sup> menangkap ikan sudah bertentangan dan akan berlaku competition dengan saudagar<sup>2</sup>. Maka competition dengan saudagar<sup>2</sup> ini selalu-nya pehak Kerajaan lemah. Dia boleh main, dia jatuhkan harga dan menaikkan harga balek jadi kelam-kabut, pening kepala pegawai<sup>2</sup> Kerajaan kerana mereka bukan orang berniaga. Jadi chara yang sa-macam ini tidak boleh di-galakkan kerana kita mempunyai pengalaman kita terutama harga padi sa-menjak ada FAMA, dan pengilang<sup>2</sup> boleh memainkan harga itu. Kemudian kalau ini di-lakukan oleh lembaga ini bagaimana orang<sup>2</sup> yang sedang memperniagakan segala alat<sup>2</sup> ini semua-nya akan timbul bertentangan dan tidak shak lagi akan berlaku-lah perlawanan. Saya tidak mahu usaha<sup>2</sup> Kerajaan yang di-buat dengan penoh semangat dan begitu rupa timbul pertentangan sama sendiri. Saperti kita ada Bank Sharikat Kerjasama yang bertujuan untuk menolong sharikat kerjasama erti-nya menolong petani<sup>2</sup> dan nelayan<sup>2</sup>, kemudian kita ada Bank Pertanian yang juga matlamat-nya ka-situ. Jadi badan yang di-tubuhkan oleh Kerajaan bertentangan merebut kepentingan dan hendak menolong sa-sama badan yang di-tubuhkan oleh Kerajaan yang di-tulong itu golongan itu juga. Dan akhir<sup>2</sup> ini Bank Bumiputra sendiri pun telah membuka peluang credit kepada petani<sup>2</sup>. Bila saya menyebutkan perkara ini sampai kepada Bank Bumiputra jangan-lah pula, Tuan Yang di-Pertua, Menteri yang berkenaan mengambil penerimaan sa-bagaimana saya chakap di-dalam Bill yang terdahulu iaitu Bill Persatuan Nelayan bila saya sebut sharikat kerjasama sa-olah<sup>2</sup> saya mengatakan semua sharikat kerjasama itu telah tidak berjaya—telah gagal, tidak; chuma hal perikanan. Begitu juga hal ini bila saya sebut Bank Bumiputra saya maksudkan erti pertentangan Bank Pertanian, Bank Sharikat

Kerjasama dan Bank Bumiputra yang pergi ka-kampong pula untuk menolong sa-chara langsung kepada petani<sup>2</sup>. Ini-lah menyebabkan yang di-tegor oleh Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak. Perdana Menteri kita jangan berlumba<sup>2</sup> sama sendiri. Saya harap berdasarkan apa yang nyata beberapa tujuan, atau tugas yang di-jalankan oleh badan ini nampak juga bertentangan sama sendiri dan tidak patut di-laksanakan baik dari segi soal perahu atau moto itu dapat di-buat oleh MARA dengan Limbongan Kapal-nya baik dalam soal alat<sup>2</sup> penangkapan ikan itu boleh di-perniagakan oleh pedagang<sup>2</sup> biasa yang chuma kita galakkan bumiputra mengambil lapangan itu lebeh banyak. Begitu juga pengangkutan di-darat erti-nya kita dapat mengeluarkan permit<sup>2</sup> kepada pengangkutan di-darat, tetapi tidak-lah mesti badan ini sendiri yang melaksanakan semua sa-kali, kemudian bertentangan sama sendiri dengan usaha<sup>2</sup> yang sedang membangun bagi golongan bumiputra.

Pada pandangan saya itu-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, yang saya fikir patut saya tegor dan memberi perhatian mudahan<sup>2</sup> Kerajaan akan memikirkan sa-mula dalam hal ini supaya jangan kemudian kita akhirnya pinda pula. Sekian, terima kaseh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Meshuarat ini ditanggohkan sa-lama 15 minit.

*Persidangan di-tempohkan pada pukul 4.40 petang.*

*Persidangan di-sambung sa-mula pada pukul 4.53 petang.*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua  
mempengerusikan Meshuarat)

**Dato' Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang<sup>2</sup> Lembaga Usaha Ikan tahun 1971 ini dengan sa-penoh hati saya sa-telah saya mendengar keterangan<sup>2</sup> yang telah di-berikan oleh Menteri yang berkenaan waktu kita meluluskan Undang<sup>2</sup> Persatuan Nelayan dan juga sa-telah beliau memberi penerangan yang jelas berkenaan dengan tujuan Rang Undang<sup>2</sup> ini. Daripada kedua<sup>2</sup> keterangan ini dapat-lah saya gambarkan bagaimana dinamis-nya gerakan Kementerian ini untuk menjalankan tugas-nya bagi menolong nelayan<sup>2</sup> kita terutama-nya nelayan<sup>2</sup> yang ada di-Pantai Timor.

Saya menyokong, Tuan Yang di-Pertua, sa-masa Dato' belum dudok di-atas kerusi Tuan Yang di-Pertua supaya Kerajaan ini berusaha menyokongkan enterprise<sup>2</sup> bagi mengtinkan hasil laut kita seperti ikan dan lain<sup>2</sup> supaya di-buat satu perusahaan yang betul<sup>2</sup> besar daripada laut membawa-lah kapada pasaran<sup>2</sup> di-darat kerana kalau sa-kira-nya di-buat satu kapal yang besar betul terutama-nya di-sabelah Pantai Timor, di-negeri Kelantan, saya rasa kalau tangkapan ikan di-usahakan dengan chara besar<sup>2</sup>an di-sabelah pantai Tumpat umpama-nya, bukan sahaja kita boleh tangkap ikan di-kawasan perayeran kita dengan chara enterprise yang besar bagitu bahkan kita boleh beli ikan<sup>2</sup> dan kita boleh dapat ikan<sup>2</sup> yang di-tangkap oleh nelayan<sup>2</sup> di-sabelah perayeran Siam yang mana mereka tidak mempunyai enterprise<sup>2</sup> yang besar untok menjualkan hasil daripada tangkapan laut mereka bahkan pada masa ini pun pernah bangkit masaalah<sup>2</sup> di-mana orang<sup>2</sup> nelayan pantai di-sabelah Siam—Thailand membawa masok ikan<sup>2</sup> yang di-tangkap di-laut mereka itu datang jual di-pantai<sup>2</sup> di-sabelah pantai Tumpat dan sa-bagai-nya. Ini menunjukkan bahawa bagaimana Menteri kita kata banyak ikan di-laut<sup>2</sup> di-sabelah Pantai Timor yang mana tidak ada tempat hendak di-jual sa-hingga nelayan di-pantai Siam itu terpaksa membawa ikan berebut jual di-sabelah pantai Kelantan. Jadi kalau kita ada enterprise yang besar yang boleh buat sardin dan sa-bagai-nya, saya rasa ini satu usaha yang betul<sup>2</sup> baik bagi nelayan<sup>2</sup> kita. Dan kalau kita lihat kapada usaha<sup>2</sup> negeri asing seperti negeri Jepun umpama-nya, mereka ini usaha hasil laut mereka sa-hingga di-pasarkan kapada negeri kita di-sini bagaimana kita tengok di-merata tempat, di-merata stall ada sotong<sup>2</sup> yang di-jual dengan harga lima sen dalam kampit plastik di-merata<sup>2</sup> tempat yang mana kita susah hendak tandingan dengan sotong yang di-usahakan oleh negeri kita ini. Jadi ini-lah enterprise yang sa-umpama ini-lah yang patut di-sokong oleh Lembaga itu. Lembaga ini kalau betul berjalan boleh dapat memberi bantuan yang besar kapada enterprise<sup>2</sup> anak negeri kita yang boleh memasarkan hasil laut yang memberi pendapatan yang lebeh kapada nelayan<sup>2</sup> kita.

Sudah lama saya dapati kita berchadang hendak buka satu kilang membuat sardin di-pantai Bachok dengan bantuan daripada Kerajaan Canada beberapa puloh tahun dahulu. tetapi sampai sekarang pun kilang

sardin itu tidak tertuboh dan saya rasa dengan undang<sup>2</sup> ini, dengan sokongan Lembaga ini, maka kilang<sup>2</sup> sardin yang sa-umpama ini akan tertuboh di-beberapa tempat di-Pantai Timor di-mana banyak hasil<sup>2</sup> laut yang boleh di-usahakan.

Dalam undang<sup>2</sup> ini saya suka hendak meminta penjelasan sedikit fasal dia ada dua di-sini, Menteri dan Menteri Kewangan. Kenapa yang kita mesti pakai di-sini dengan kelulusan Menteri mithal-nya, umpama-nya dalam Muka 6 "dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan".

Jadi saya tidak faham ada-kah dua Menteri mesti di-tanggung-jawabkan dalam satu undang<sup>2</sup> kerana saya tidak pernah lagi ber-jumpa undang<sup>2</sup> yang sa-umpama ini. Jadi biasa undang<sup>2</sup>-nya Menteri berkenaan itu bertanggung-jawab dengan perjalanan dan kemajuan undang<sup>2</sup> ini. Yang saya takut nanti bergaduh antara Menteri dengan Menteri. Mithal-nya Menteri sudah bersetuju, Menteri Kewangan kata ta' bersetuju. Apa hendak jadi pula. Apa-kah kita mesti rojokkan kapada Perdana Menteri pula, atau pun kapada Jema'ah Menteri untok menyelesaikan satu masaalah sa-umpama ini. Jadi ini untok penjelasan sahaja.

Jadi kita tidak tahu satu undang<sup>2</sup> yang kita luluskan itu menimbulkan masaalah<sup>2</sup> dalam perkara menguasai di-atas badan<sup>2</sup> yang berkenaan.

Lembaga ini sangat penting dan saya rasa elok kalau satu Lembaga yang penting bagini di-beri tugas pada sa-orang Menteri sahaja. Umpama kita pernah mendengar pada waktu kita menjalankan FAMA dahulu, per-badanan FAMA dahulu, jadi kita tidak mahu Menteri Perdagangan dan Perusahaan dengan Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama umpama-nya dalam masaalah padi dan sa-bagai-nya Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama umpama-nya menimbulkan suatu perkara yang boleh orang ini kata, Menteri ini tidak bersetuju, Menteri ini bersetuju. Jadi ini perkara yang kita takut. Dalam chara menjalankan kerja kita hari ini kita tidak mahu lagi mendengarkan lagi perselisihan dalam pelaksanaan kerja.

Dan saya rasa yang besar bagi menjayakan chita<sup>2</sup> kita ini ia-lah terhenti kapada pegawai<sup>2</sup>. Bagaimana Menteri yang berkenaan kata, pegawai yang akan di-tugaskan kebanyakkan-nya ia-lah Pegawai Penolong Pertanian atau pun Penolong Pegawai Perikanan menjalankan penyeliaan dan sa-bagai-nya.

Penolong Pegawai Perikanan, saya faham, Penolong Pegawai Perikanan ini satu pegawai yang muda yang baharu keluar daripada latehan, mereka ini bukan-lah merupakan mempunyai tangga gaji yang besar, lumayan. Jadi ini satu benda yang patut kita beringat sedikit dalam urusan tugas. Sebab dalam perkara nelayan ini kita akan gabungkan bagaimana kata Menteri yang berkenaan tadi, kita gabungkan pemodal, pengusaha, nelayan dan sa-bagai-nya dalam satu kumpulan untuk menggerakkan. Jadi ma'ana bila dalam menjalankan kerja, pada prektik-nya masalah besar-nya ia-lah pegawai-nya. Selalu-nya pegawai ini kalau dia di-pengarohi, di-pengarohi oleh pehak yang kuat. Pehak yang kuat ini pemodal-lah, pehak nelayan ini ikut situ-lah, dia kata ikut Che lah, dia pun takut pegawai ini, bukan main takut lagi. Selalu tengok pegawai dengan nektai, dengan baju keras ini dia dahulu siang<sup>2</sup> lagi dia sudah hormat. Tetapi kalau pemodal dia tidak takut. Pemodal kalau tengok pegawai, ini budak baharu keluar sekolah, hendak pakai motokar baharu baharu hendak kahwin, jadi ini masalah yang patut di-awasi. Saya memberi ingatan itu untuk mengawasi dalam pelaksanaan kerja.

Sebab dalam prektik-nya, kalau bagaimana Menteri kata tadi, kita gabungkan tenaga dan kita bagi sokongan kewangan itu daripada Lembaga ini, Lembaga ini akan di-beri kewangan, badan itu akan di-satukan. Jadi bila badan itu kuat, hendak kuatkan badan, mesti di-jalankan disiplin. Bila di-beri disiplin, mesti disiplin itu berjalan dengan betul, jadi nelayan itu dia takut dengan bunyi disiplin, dia takut kena pechat-lah, itu dia takut, dia takut kena singkir daripada ahli-kah dan sa-bagai-nya tempat dia tumpang hendak menchari makan. Tetapi kalau saya menjadi pemodal saya tidak takut. Hari ini hendak berjalan ka-mana buat baik, rapat dengan pegawai itu yang sudah habis. Ini biasa-nya berlaku. Jadi ini kita awasi-lah sedikit dalam pelaksanaan-nya supaya kita dapat menjayakan chita<sup>2</sup> kita yang maha besar ini, dan daripada pengalaman yang ada pada Menteri yang berkenaan dengan lawatan yang telah di-buat ka-Pusan. Jepun, kanegeri<sup>2</sup> yang telah maju dan tempat yang telah berjaya, saya mempunyai keyakinan yang penoh Menteri yang berkenaan ini mesti dapat menjayakan chita<sup>2</sup>-nya yang telah tengok sendiri, dengan mata kepala dia sendiri keadaan-nya apa yang telah di-buat

di-sana. Saya yakin beliau akan berjaya dalam tugas yang boleh kita katakan. ini tugas macham mission impossible, tetapi saya perchaya Menteri kita dengan pengalaman yang ada pada dia pergi tengok sendiri apa yang orang Jepun buat, orang Korea buat, saya rasa tidak impossible lagi, ini sudah jadi mission possible. Itu-lah sahaja. Sekian, terima kaseh.

**Dato' Haji Pengiran Mohamed Digadong Galpam:** Tuan Yang di-Pertua, di-sini saya bangun menyokong Rang Undang<sup>2</sup> yang di-bawa oleh Menteri Pertanian dan Tanah tadi. Saya perchaya perkara ini memang sudah kena pada tempat-nya untuk membantu ra'ayat dalam Malaysia ini. Dari itu sa-benar-nya di-sini saya suka memberi pandangan sedikit.

Di-Sabah sa-belum perang Jepun dahulu memang Jepun sudah membuat satu kilang, buat sardin. Sa-benar-nya masa itu memang chukup kaya, untong dan maju, ikan banyak dapat dari masa itu hingga ka-masa ini sudah tidak ada. Jadi saya perchaya sekarang kita sudah menjadi Malaysia harus Kerajaan beri satu peluang di-Sabah untuk membuat satu kilang sa-chara bagini. Ada satu Pulau di-sana yang di-namakan Pulau Banggi barangkali Menteri kita pun tahu juga tempat itu, barangkali juga belum jalan tetapi nama itu dia sudah tahu. Saya fikir ada baik kalau-lah Kerajaan dapat memikirkan mengadakan satu tempat di-sana. Ini ada-lah mendatangkan hasil pada Kerajaan kita Malaysia.

Sa-lain daripada itu perkara<sup>2</sup> yang lain, saya rasa itu semua sudah termasuk dalam mana yang di-terangkan oleh Menteri tadi, tetapi satu tentang berkenaan boat atau pun engine<sup>2</sup> boat. Saya perchaya sudah berpuluh<sup>2</sup> ribu atau pun sudah chukup banyak yang di-beri kapada anak<sup>2</sup> ra'ayat tetapi kesulitan anak ra'ayat yang mana saya dapati di-Sabah, bila mereka dapat engine daripada Kerajaan, tetapi kesulitan-nya pula pukut. Jadi dari sana sa-benar-nya terpaksa-lah ra'ayat berhutang kapada taukeh atau pun kapada siapa yang boleh berharap. Jadi ini sa-kira-nya Kerajaan dapat ator, bukan hanya di-Sabah tetapi di-seluruh Malaysia, buat satu pejabat untuk anak ra'ayat yang tidak berapa tahu di-mana satu pejabat Menteri<sup>2</sup> supaya memudahkan ra'ayat itu untuk mengadakan hal kesulitan dia. Sebab dia perchaya tidak usah di-Malaysia Barat hingga di-Malaysia Timor, di-Sabah, kebanyakan juga anak ra'ayat

yang jauh<sup>2</sup> tempat tidak dapat jumpa dengan Menteri<sup>2</sup> yang berkenaan. Jadi ini satu kesulitan anak ra'ayat yang saya dapati. Saperti juga yang di-katakan oleh Yang Berhormat daripada Pulau Pinang tadi, itu saya setuju. Fasal apa bukan-lah juga macham bola kena tendang sana sini tetapi kebanyakan anak ra'ayat yang tidak mengetahui satu<sup>2</sup> pejabat. Jadi ini sa-benar-nya kalau-lah Kerajaan dapat mengadakan pejabat yang kecil supaya anak ra'ayat yang susah berjumpa dengan Menteri<sup>2</sup> atau pun berjumpa dengan pegawai<sup>2</sup> tertinggi senang berhubung dengan wakil yang di-bawah sa-kali.

Saya fikir saya tidak beruchap di-Majlis ini panjang atau pun lebar lagi sa-takat ini-lah sahaja. Sekian, terima kasih.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi penerangan berkenaan dengan tegoran yang di-buat oleh Yang Berhormat Dato' Nik Hassan tadi berkenaan dengan Fasal 4 (d) dan juga 4 (3). Sebab kedua<sup>2</sup> Fasal 4 (b), 4 (2) (d) dan 4 (3) ada menyebutkan dengan kelulusan Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan dan Fasal 4 (3) juga dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan. Lembaga boleh memberi dari satu masa ka-satu masa menubuhkan perbadanan dengan apa<sup>2</sup> nama. Ini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menerangkan kerana ini-lah satu lembaga yang di-tubuhkan dengan undang<sup>2</sup> yang di-luluskan oleh Kerajaan. Sudah itu kalau kita pandang Fasal 6 ada menyatakan Kumpulan Wang, terang dan nyata Fasal 6 (1) (a) Kumpulan wang ini ia-lah apa<sup>2</sup> yang di-untokkan dari sa-masa ka-samasa oleh Parlimen dan kalau ikut sampai ka-bawah, habis, segala<sup>2</sup> perkara itu ia-lah berkenaan dengan pinjam-meminjam dengan wang hasil<sup>2</sup> yang asal-nya wang Kerajaan semua-nya—tidak ada champor wang luar sadikit jua pun, dan kalau kita tengok pula Fasal 7—Meminjam wang dan Fasal 8—Pelaburan (Investment). Semua-nya hendak-lah persetujuan oleh Menteri Kewangan kerana Menteri Kewangan akan bertanggung-jawab atas segala wang<sup>2</sup> Kerajaan. Dari itu-lah dalam perkara yang dua ini tadi saya sebut Fasal 4 (2) (d) dan (3)—hendak-lah ada kelulusan dua<sup>2</sup> Menteri kerana kewangan yang bertanggung-jawab oleh Kerajaan, wang Kerajaan ia-lah Menteri Kewangan. Dari itu, dia dapat-lah sa-bagai Menteri Kewangan yang bertanggung-jawab kontrol atau menjaga kepentingan wang Kerajaan dalam menjalankan lembaga ini. Itu-lah

yang dapat saya hendak menerangkan daripada segi Undang<sup>2</sup> dalam perkara ini.

**Dato' Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Sa-bagai tambahan. Tan Sri ada berkata Fasal 4 (2) (d) sahaja. Jadi saya hendak bertanya Fasal 4 (2) (d) ini ada berkaitan dengan (e) juga :

“(d) . . . . . perbekalan dan kelengkapan menangkap ikan; dan

(e) melakukan . . . . .”

Jadi berma'ana-nya bukan (d) sahaja, (e) pun termasuk juga, fasal dia ada kata :

“(d) . . . . . perbekalan dan kelengkapan menangkap ikan; dan

(e) melakukan apa<sup>2</sup> perkara lain yang di-fikirkan patut oleh Lembaga untuk membolehkan ia menjalankan tugas<sup>2</sup> dan kuasa<sup>2</sup>-nya yang tersebut di-atas itu dengan berkesan.”

Ada-kah (e) termasuk juga?

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Ta' termasuk. Itu “dan” akhir daripada (a), (b), (c), (d) dan (e), yang masok chuma (d) sahaja. (e) Menteri Kewangan—ta' ada kenamengena, itu ayat-nya.

**Dato' Dr Cheah Toon Lok:** (*Dengan izin*) Mr President, Sir, the Bill we passed just now—the Fishermen's Associations Bill—is interlocked with this new Bill or “The State Fishing Corporation”, if I may call it, and this State Fishing Corporation is a monopoly, a complete monopoly to look after the interest of the fishermen and all the industries connected with fisheries. The first function is “to promote and develop efficient and effective management of fisheries enterprises”—this is included in the management of the Fishermen's Associations Bill. The second function is “to provide and supervise credit facilities for fish production and to ensure that these facilities are put to maximum use”. The third function is “to engage in fisheries enterprises”.

The second function is to provide finance. Mr President, Sir, finance is State finance in this instance; it is from the State funds, and to be approved by Parliament with the concurrence of the Treasury. That means to say it is a complete Government monopoly. Whether it is good or bad, we do not know. But this is an experiment which we are going to try. I hope that this monopoly does not encroach into other monopolies that have already existed, that it does not infringe into the safeguards we have enshrined in our

Constitution—safeguards in Article 153. I hope that the monopoly does not encroach into that area, into that field, because this industry is so wide that the Government could do other things besides local interest. Leave the local interest alone, let them run as usual, let the fishermen's associations do the work as usual. It is an international organisation that we must have—international: just like the organisations in Japan where they have international control over fishing, where they sell their products throughout the world, to every country in the world. Like in Taiwan, they have got a big fishing industry and they sell their products throughout the world. So this is an international idea for the international control of fishing, not for our little sea only, because wealth of the sea is endless. If we have a proper organisation to get all our fish from all the seas of the world, Malaysia will be very rich in sea products and we will be a very rich country and our people will not suffer from lack of sea proteins.

So, I hope that this will be a great success, and I hope the people who are on the top will be very efficient in the implementation of this policy, because if the implementation is not correct, we are going to lose millions and millions of dollars which we can ill-afford—we cannot afford it today, owing to our Second Malaysia Plan and the rest of it. But please don't encroach into the interest of others who are already established in this industry, established and protected by the Constitution—I only hope that. I also hope that with the control by our Honourable Minister over this State Fishing Corporation it will grow from strength to strength. Thank you, Sir.

**Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat yang telah memberi sokongan dan tegoran dan saya lebih suka mengambil atau menjawab tegoran yang di-beri oleh Ahli Yang Berhormat yang penghabisan sa-kali, ia-itu Dato' Dr Cheah Toon Lok.

Di-sini saya suka-lah menegaskan tidak ada chita<sup>2</sup>, tidak ada hasrat Kerajaan untuk hendak monopolikan fishing industry di-dalam negeri ini. Tidak ada satu perkataan di-dalam Undang<sup>2</sup> ini yang menyatakan hendak monopoli fishing industry di-dalam negeri ini, kerana kalau chita<sup>2</sup> itu ada pun ta' dapat di-buat—it is impossible.

Jadi soal yang ada di-hadapan kita mengikut:

4. (1) The functions of the Lembaga ia-lah—  
(a) to promote and develop efficient and effective management of fisheries enterprises:

itu sahaja yang kita hendak buat.

- (b) to provide and supervise credit facilities for fish production and to ensure that these facilities are put to maximum use; and

- (c) to engage in fisheries enterprises.

only to engage, bukan kata hendak monopolise.

Jadi di-sini saya suka-lah menegaskan tidak ada chita<sup>2</sup> hendak monopoli dan kita akan memberi kebebasan.

**Dato' Dr Cheah Toon Lok:** Untuk penjelasan, Mr President, Sir. (*Dengan izin*) English is expandable. The meaning there is like that, but it could be expanded. The powers are so vast, if you look into it from the legal point of view. The powers are so vast that it becomes a monopoly, although you do not say it is a monopoly in language, but the powers are “to promote and develop efficient and effective management of fisheries enterprises”. Those fishing industries which are not well-developed, not efficient, then you just cancel their licences. That is all. You have got the powers, although the intention is not there, but the powers are there. Thank you, Sir.

**Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang saya beri akuan tadi, pehak Kerajaan, pehak Kementerian tidak ada chita<sup>2</sup> atau hajat hendak menjalankan satu perusahaan monopoli berkenaan dengan masalah perikanan ini.

Soalan yang di-bangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' S. O. K. Ubaidulla, berhubung dengan masalah jeti, ice, harbour dan lain<sup>2</sup>, maka di-sini saya suka-lah menegaskan ia-itu pehak Kerajaan telah pun mengadakan rancangan bagi membaiki keadaan facilities atau kemudahan jeti, ice factory dan juga kilang<sup>2</sup> berkenaan dengan perusahaan ikan ini di-beberapa tempat dalam negeri ini, sa-umpama di-Kedah, di-Kuala Kedah, di-Lumut dan juga kajian sedang di-buat di-Pantai Timor, ia-itu di-Kuala Trengganu dan di-Kuantan bagi mengadakan jeti<sup>2</sup> yang baik dan juga kemudahan<sup>2</sup> yang lain. Berhubung dengan jeti<sup>2</sup> yang kecil<sup>2</sup> ini, kita

ada peruntukan di-dalam estimate untuk membena jeti<sup>2</sup> yang kecil di-mana di-fikirkan patut dan menasabah.

Kemudian berkenaan dengan masalah chara Jepun membeli ikan dan re-export ikan yang di-beli oleh-nya. Kita juga menjalankan usaha itu sekarang ini, bukan sahaja daripada segi ikan, tetapi daripada beberapa segi yang lain. Umpama-nya kita membeli ikan yang di-bawa oleh kapal<sup>2</sup> Jepun ia-itu ikan<sup>2</sup> tuna di-beli oleh M.M.I. di-Pulau Pinang. Dan manakala kita membeli ikan tuna daripada kapal<sup>2</sup> ini kita eksepot ka-Jepun, kita eksepot ka-Amerika dan kita eksepot juga ka-Europe. Begitu juga ikan yang kita beli daripada Thailand kita bawa menerusi daripada Padang Besar terus ka-Johor dan kita serahkan kepada rakan kita di-Singapura untuk kegunaan di-Singapura. Jadi usaha macham ini ada-lah dijalankan ia-itu import dan re-export ikan<sup>2</sup> di-dalam negeri ini.

Beliau juga telah meminta supaya bantuan ini juga di-beri kepada kawasan<sup>2</sup> Pantai Barat Malaysia Barat (West Coast). Jadi, di-sini saya suka menegaskan bantuan ini akan di-beri kepada semua nelayan<sup>2</sup> dalam negeri ini, tetapi keutamaan atau priority kita akan beri kepada kawasan<sup>2</sup> Pantai Timor, kerana di-sana terdapat kekurangan berkenaan dengan perusahaan chara moden atau trawler dan sa-bagai-nya di-Pantai Timor. Jadi dengan sebab itu keutamaan di-beri ka-Pantai Timor, tetapi ranchangan ini meliputi seluruh negeri ini.

Untuk pengetahuan Dewan ini pehak Kerajaan telah pun meluluskan satu peruntukan wang lebeh daripada \$10 juta ia-itu \$10.29 juta bagi kegunaan lembaga ini bagi memajukan perusahaan<sup>2</sup> ikan (*Tepok*) di-dalam negeri ini di-bawah Ranchangan Malaysia Kedua. Dan kalau sa-kira-nya wang ini tidak chukup juga barangkali kita boleh mendapat wang tambahan, tetapi mengikut capacity yang ada hari ini barang<sup>2</sup> yang berharga sa-banyak \$10.29 juta ini boleh di-katakan banyak.

Ada juga chadangan dari beberapa orang Ahli tadi supaya pehak Kerajaan membeli trawler yang besar mengikut keadaan negeri<sup>2</sup> luar, tetapi saya suka menegaskan di-sini ia-itu kebanyakan negeri di-Eropah sendiri sa-umpama Norway, Sweden, Denmark dan sa-bagai-nya, mereka juga menggunakan bot<sup>2</sup> yang lebeh kurang sama besar dengan apa

yang kita gunakan di-sini. Chuma yang menggunakan bot besar ini saya dengar cherita, saya pun tidak biasa tengok ia-lah Russia, kerana dia ada mempunyai satu macham boat, saya pun tidak tahu betul-kah atau tidak—wallahua'lam—dia boleh menangkap ikan daripada dalam laut, masuk ka-dalam kapal, dan proses dalam kapal, tinkan dalam kapal dan keluarkan sa-bagai product. Jadi betul-kah atau tidak wallahua'lam, saya pun tidak biasa tengok.

**Dato' Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:**  
Kahbar angin!

**Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tetapi dalam masalah ini saya suka menegaskan kalau sa-kira-nya kita buat bot besar atau beli bot besar, kita ada sekarang kata-lah \$10 juta, harga bot besar kata-lah lebeh kurang \$100,000 kita boleh dapat lebeh kurang 100 buah bot dan tiap<sup>2</sup> sa-buah bot kita boleh gunakan 20 orang. Jadi kita chuma boleh memberi pekerjaan kepada 2,000 orang, tetapi kalau dengan wang \$10 juta kita buat bot kecil yang berharga kata-lah \$30,000 kita boleh dapat lebeh kurang 330 buah bot dan kalau satu bot 10 orang boleh bekerja berma'ana-lah dengan wang \$10 juta tadi kita boleh mengambil atau memberi pekerjaan kepada nelayan<sup>2</sup> sa-banyak 3,300 orang berbanding dengan 2,000 orang kalau kita gunakan bot besar. Jadi masalah di-negeri kita ini berlain daripada masalah Russia, masalah Jepun, masalah lain, kerana di-situ mereka ada-lah sa-buah negeri yang sophisticated yang mempunyai indasteri yang banyak dan berbagai<sup>2</sup>. Jadi mereka terpaksa menangkap ikan bukan di-keiling kawasan negeri mereka, tetapi kena sampai North Pole, South Pole, Antarctic macham<sup>2</sup> ragam, tetapi kita tidak. Kita hendak menchari ikan di-keiling kawasan kita. Tempat kita habis tinggi 50 batu, 100 batu daripada tepi pantai. Saya fikir bagi permulaan sekarang ini dengan wang yang ada pada kita dengan capacity yang ada pada kita memadai-lah kita menjalankan perusahaan bot<sup>2</sup> yang kecil. Kemudian bila perusahaan kita sudah maju nelayan kita sudah di-baiki kehidupan mereka barangkali kita boleh memikirkan masalah hendak menggunakan bot besar. Tetapi ini tidak menghalang kalau sa-kira-nya ada ahli<sup>2</sup> swasta, ahli luar daripada yang di-bantu oleh Kerajaan atau bot yang di-belanjakan oleh Kerajaan hendak membeli bot mithal-nya 1,000 ton atau pun 200 ton, 300 ton bot yang

besar<sup>2</sup> kita akan menggalakkan, pihak Kerajaan akan memberi lesen<sup>2</sup> untuk mereka menjalankan usaha<sup>2</sup> ini, tetapi hendak menggunakan wang Kerajaan saya fikir elok-lah kita jalankan perkara yang kechil dahulu supaya kita memberi lebeh banyak pekerjaan kapada nelayan<sup>2</sup> kita.

Yang Berhormat Tuan Amaluddin Darus bertanya apa ma'ana pengangkutan. Ada-kah lembaga ini hendak menjalankan pengangkutan darat. Jadi bila sebut pengangkutan ini dia boleh jadi pengangkutan laut atau pun darat, tetapi bukan-lah dia hendak menjalankan perusahaan bas atau hendak menjalankan perusahaan lori hendak bawa barang<sup>2</sup> orang—tidak, kerana kalau kita kajikan undang<sup>2</sup> ini, lembaga ini boleh menjalankan perusahaan perikanan. Kalau dia menjalankan perusahaan perikanan dia ada bot dia pergi tangkap ikan, dia bawa ikan dia naik ka-darat, kemudian dia pula tidak ada kuasa untuk hendak menjalankan perusahaan pengangkutan. Ma'ana-nya ikan daripada pantai hendak bawa ka-market dia terpaksa sewa lori orang. Jadi tentu-lah tidak menasabah. Jadi biar-lah kita beri kuasa kapada dia menjalankan pengangkutan ia-itu mengangkut barang dia sendiri. Kalau mithal-nya dia menjalankan perusahaan mengetin hendak hantar tin ikan ka-mana<sup>2</sup> dia ada lori dia sendiri yang boleh menghantar itu. Jadi dengan sebab itu peruntukan yang di-buat di-sini ia-itu peruntukan transport, movement, packing, processing ini ada-lah peruntukan yang berkaitan dengan perusahaan ikan dia. Jadi ada masa-nya ia menjalankan ada sa-tengah barangkali tidak mustahak ia menjalankan pada awal ini. Jadi kita memberi kebenaran kapada dia, tetapi apa yang dia hendak buat daripada satu masa ka-satu masa itu ada-lah di-putuskan sa-bagai polisi oleh Kementerian atau oleh Kerajaan sendiri.

Beliau telah juga membangkitkan masalah Fasal 4 (2) (c) ia-itu mengapa di-beri kuasa kapada lembaga ini menjual perbekalan sa-umpama pukut, atau pun papan auto-boat dan sa-bagai-nya. Jadi di-sini saya suka menegaskan, ia-itu kalau sa-kira-nya kita memberi kuasa kapada lembaga ini membena bot siap sahaja bot di-bena, kemudian tentu-lah bot itu tidak boleh di-gunakan, melainkan ada pukut-nya, ada enjen wing-nya, ada pula barangkali tali-nya bermacam<sup>2</sup> dikehendaki untuk hendak menialankan perusahaan perikanan. Kemudian kalau kita tidak beri kuasa dia menyediakan perbekalan sa-

umpama ini siap sahaja bot kita beri bot kapada nelayan<sup>2</sup>, kemudian di-kehabarkan kapada nelayan<sup>2</sup> bahawa kami tidak ada kuasa hendak memberi pukut. Kami tidak ada kuasa hendak membekal tali di-dalam bot itu terpaksa-lah pergi berjumpa dengan kedai beli di-kedai sana. Jadi saya rasa perkara yang sa-umpama ini tidak menasabah. Jadi kita memberi kuasa kapada dia untuk mengadakan perbekalan boleh jadi sa-hingga spare part, atau apa juga berkenaan dengan hal perusahaan ikan, kerana tujuan kita mengadakan lembaga ini dia sendiri akan menyediakan bot, membena bot. Jadi siapa bena itu tidak menjadi soal, kalau mithal-nya tentu-lah lembaga ini sendiri tidak akan mengadakan dock yard hendak membena bot kita akan beri kapada MARA mithal-nya buat bot kita. Kemudian lepas sudah buat kita serahkan sa-chara jualan atau jualan instalment, hire purchase, atau pinjaman, atau apa juga-lah kapada nelayan<sup>2</sup>. Jadi kalau sa-kira-nya tidak ada bekalan untuk hendak di-beri, hendak di-sediakan pukut atau tali macham ragam, jadi sudah tentu-lah lembaga ini tidak akan dapat menunaikan sa-penoh<sup>2</sup>-nya kehendak ahli. Jadi ahli maseh lagi terpaksa berjumpa dengan orang tengah lagi. Ini berma'ana-nya kita sendiri menggalakkan nelayan<sup>2</sup> pergi jumpa dengan orang tengah, barangkali di-tipu oleh orang tengah, macham<sup>2</sup> perkara berlaku. Dengan sebab itu-lah kita memberi peruntukan berkenaan dengan menjual perbekalan dan sa-bagai-nya.

Masaalah berkenaan dengan memberi pinjaman mithal-nya atau pun Bank Pertanian kata-nya bertentangan pula dengan sharikat kerjasama dan ada pula Bank Bumiputra, kemudian ada pula Bank Kerjasama, bermacam<sup>2</sup> bank yang memberi kepentingan itu mengambil berat masalah peladang<sup>2</sup> dan petani<sup>2</sup> itu. Jadi di-sini saya suka menjelaskan ia-itu Bank Kerjasama dia chuma boleh memberi pinjaman pada masa sekarang ini mengikut undang<sup>2</sup>-nya kapada ahli<sup>2</sup> sharikat kerjasama sahaja, dia tidak boleh memberi pinjaman kapada orang luar sa-lain daripada ahli sharikat kerjasama. Begitu juga Bank Pertanian hari ini dia memberi pinjaman bukan sa-chara terus-menerus kapada sa-saorang tetapi dia menggunakan sharikat kerjasama kalau sharikat kerjasama itu tidak dapat modal yang chukup daripada Bank dia boleh mendapat pinjaman daripada Bank Pertanian. Begitu juga Persatuan Peladang ada-lah di-gunakan sa-bagai alat atau ajensi

oleh Bank Pertanian untuk menyalorkan pinjaman kepada peladang<sup>2</sup> dan petani<sup>2</sup>. Jadi, sa-bagaimana yang barangkali, yang berlaku di-Kemubu dan juga di-Muda, pinjaman diberi oleh Bank Pertanian, tetapi pinjaman itu di-salurkan menerusi Persatuan<sup>2</sup> Peladang dan Sharikat<sup>2</sup> Kerjasama. Jadi, dengan sebab itu kita ada co-ordinasi yang baik supaya sa-saorang peladang atau petani itu tidak akan mengambil dua pinjaman. Kalau kita tidak ada co-ordinasi, boleh jadi sa-orang itu akan mengambil dua pinjaman. Satu di-ambil melalui Persatuan Peladang dan satu lagi di-ambil melalui Sharikat Kerjasama. Jadi, kita ada atoran sekarang ini, Sharikat Kerjasama menyediakan nama ahli<sup>2</sup> dia dan akan memberi nama itu kepada Persatuan Peladang dan manakala sa-saorang meminta pinjaman maka peminta itu hendaklah di-rojokkan kepada Persatuan Peladang. Kemudian Persatuan Peladang akan mengkaji sama ada dia ahli Persatuan Sharikat Kerjasama atau tidak. Kalau sa-kira-nya dia ahli Sharikat Kerjasama, Persatuan Peladang akan nasehatkan dia:

"Sila minta melalui Sharikat Kerjasama tuan."

Kalau mithal-nya Sharikat Kerjasama kata:

"Boleh-lah Persatuan Peladang beri terus, ta' payah lagi menerusi Sharikat Kerjasama,"

baharu boleh di-buat, kalau tidak dia mesti mengambil pinjaman melalui Sharikat Kerjasama dia, walau pun dia ahli Persatuan Peladang, kerana kita tidak hendak pinjaman di-duplicate atau di-tindeh<sup>2</sup>kan.

Saudara saya, Dato' Nik Hassan, ia-itu Fasal 4 (3) berkenaan dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, itu telah di-jawab oleh Peguam Negara. Dan pegawai<sup>2</sup> muda patut di-awasi, insha'Allah kita akan awasi, tetapi sa-bagaimana yang saya sebutkan tadi, keadaan ini kita ada dua lembaga. Satu lembaga berkenaan dengan perusahaan ikan dan yang kita luluskan tadi ia-lah Persatuan Nelayan. Jadi, bila hendak memberi pinjaman, hendak memberi itu dan ini, mesti-lah melalui Persatuan Nelayan. Jadi lembaga memberi pinjaman kepada nelayan menerusi Persatuan Nelayan. Jadi, ma'ana dua badan tahu. Jadi, kalau satu badan hendak buat kechah, satu lagi tahu yang satu ini hendak buat kechah. Jadi, kita ada jaga menjaga di-antara satu dengan lain dan saya harap apa yang di-khuatirkan oleh saudara saya itu tidak akan berlaku.

Kemudian berkenaan dengan perkara yang di-bangkitkan oleh Dato' Haji Pengiran

Mohamed Digadong Galpam, saya minta perkara itu di-rojokkan kepada Kementerian supaya dapat saya menjalankan siasatan yang lebeh baik. Berhubung dengan anak<sup>2</sup> ra'ayat, kata-nya, tidak tahu Menteri, susah hendak jumpa Menteri, minta di-adakan pejabat kechil, saya rasa perkara ini tidak mustahak kerana di-tiap<sup>2</sup> district atau di-tiap<sup>2</sup> jajahan kita ada Jabatan<sup>2</sup> sama ada Jabatan Pertanian, Jabatan apa juga ada di-tiap<sup>2</sup> district, tambahan pula kalau sa-kira-nya ra'ayat itu tidak juga mengetahui Pejabat Daerah, wakil ra'ayat sendiri boleh mengambil bahagian dalam masalah ini untuk menjadi petition writer atau pun untuk menjadi wakil kepada orang itu menyampaikan rayuan<sup>2</sup> mengikut arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baharu<sup>2</sup> ini, ia-itu menyampaikan rayuan<sup>2</sup>, permohonan atau apa juga menerusi wakil ra'ayat yang ada.

Perkara berhubung dengan Dato' Dr Cheah Toon Lok telah pun saya jawab dan di-sini saya ucapkan terima kaseh.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*).

Fasal 1 hingga 11 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Jadual Pertama dan Kedua di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## RANG UNDANG<sup>2</sup> PERIKANAN (PINDAAN)

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin supaya Rang Undang<sup>2</sup> yang bertajok suatu Akta bagi meminda Akta Perikanan, 1963, untuk di-bacha bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang<sup>2</sup> ini ada-lah untuk meminda sekshen 2, 18, 21 dan 23 Akta Perikanan, 1963, seperti di-nyatakan dalam Fasal 2 mengikut Jadual Rang Undang<sup>2</sup> ini.

Fasal 2 mengikut Butiran 1 di-dalam Jadual Rang Undang<sup>2</sup> itu meminda sekshen 2 Akta Perikanan, 1963. Pindaan itu ada-lah berhubung dengan memindahkan kuasa membuat peratoran daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada Menteri. Oleh kerana perusahaan penangkapan ikan telah berkembang dengan pesat-nya sejak di-kuat-kuasakan Akta Perikanan, 1963, pada awal tahun 1963 itu, maka perlu peratoran<sup>2</sup> tertentu di-bawah sekshen 2 Akta Perikanan, 1963, di-adakan atau di-pindahkan dengan sa-berapa segera supaya sesuai dan selaras dengan perkembangan yang berlaku di-kalangan perusahaan penangkapan ikan. Jika kuasa ini tidak di-turunkan kepada Menteri yang berkaitan, ini akan memakan masa yang agak panjang kerana tiap<sup>2</sup> chadangan pindaan/tambahan itu perlu di-persetujui dan di-perkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong terlebih dahulu. Pindaan ini sejajar dengan tujuan menyelenggarakan Akta Perikanan sa-chara berkesan. Mengikut Akta<sup>2</sup> lain seperti Akta FAMA, 1965 dan Akta Persatuan Peladang, 1967, Menteri yang berkaitan di-beri kuasa membuat dan meminda Peratoran<sup>2</sup>.

Fasal 2 mengikut Butiran 2 di-dalam Jadual Rang Undang<sup>2</sup> itu meminda sekshen 18 Akta Perikanan, 1963. Menurut sekshen yang ada sekarang ini chuma Pegawai Perikanan sahaja yang ada kuasa mendenda tanpa bichara atau pun to compound kesalahan<sup>2</sup>, di-bawah Undang<sup>2</sup> ini. Pindaan ini melanjutkan kuasa itu di-beri kepada mana<sup>2</sup> Pegawai Polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor. Pindaan ini perlu oleh kerana di-dapati pehak polis membuat banyak tangkapan<sup>2</sup> dan jika mereka boleh mendenda tanpa bichara atas kesalahan<sup>2</sup> yang kecil, nelayan<sup>2</sup> yang terlibat itu dapat meneruskan perusahaan mereka sa-lepas membayar denda atau pun membayar compound. Mengikut sekarang, pehak polis menahan bot<sup>2</sup> nelayan sa-hingga selesai perbicharaan dan ini menimbulkan kesulitan kepada mata-pencharian nelayan<sup>2</sup> itu sendiri.

Fasal 2 mengikut Butiran 3 di-dalam Jadual Rang Undang<sup>2</sup> itu meminda sekshen 21 Akta Perikanan, 1963. Pindaan ini ada-

lah berhubung dengan memberi kuasa kepada Menteri mengechualikan mana<sup>2</sup> orang daripada Peruntokan<sup>2</sup> Akta dan mana<sup>2</sup> peratoran, atau perintah supaya dengan itu projek<sup>2</sup> perikanan yang di-jalankan sa-umpama di-Kuala Trengganu, Kuantan dan lain<sup>2</sup> termasuk jua dalam pengechualian itu. Ada-lah tidak wajar di-kenakan sa-umpama bayaran lesen dan wang pertarohan bagi projek<sup>2</sup> perikanan Kerajaan. Mengikut Undang<sup>2</sup> sekarang mana<sup>2</sup> orang yang bersangkutan dengan institusi scientific sahaja perusahaan perikanan bagi maksud "scientific research" sahaja yang di-kechualikan di-bawah daripada Undang<sup>2</sup> itu.

Fasal 2 mengikut Butiran 4 dalam Jadual Rang Undang<sup>2</sup> itu meminda sekshen 23 Akta Perikanan, 1963. Pindaan ini di-buat untuk meluaskan ta'arif "Fisheries Officers" supaya di-masokkan pegawai<sup>2</sup> yang di-lantek di-bawah sekshen 7 Akta Perikanan, 1963, ia-itu Ketua Pengarah Perikanan dan juga Timbalan Ketua Pengarah Perikanan negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Amaluddin bin Darus:** Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya Undang<sup>2</sup> ini ada-lah di-dalam bahasa Inggeris dan belum di-terjemahkan dalam Bahasa Kebangsaan atau bahasa Malaysia, tetapi Rang Undang<sup>2</sup> ini sa-bagai amendment—sa-bagai pindaan men-unjukkan sedikit kekeliruan barangkali bagitu fahaman saya. Jenis pindaan 1. Sekshen 2 . . . . Gantikan perkataan "Yang di-Pertuan Agong" yang terdapat di-dalam-nya dengan perkataan "Menteri". Berdasarkan pada ayat ini tidak menjadi masalah tetapi oleh kerana Sekshen 18, 21 dan 23 semua merupakan ayat dalam bahasa Inggeris seperti, ". . . . or a police officer not below the rank of an Inspector . . . ." dan yang lain<sup>2</sup> lagi, "(2) The Minister may by order exempt any person . . . ." dan sa-terus-nya men-unjukkan Undang<sup>2</sup> ini asal-nya dalam bahasa Inggeris belum di-terjemah ka-bahasa Malaysia. Jadi bagaimana boleh dalam pindaan Sekshen 2 . . . . Gantikan perkataan "Yang di-Pertuan Agong", yang terdapat di-dalam-nya perkataan "Menteri". Jadi harus-nya dengan perkataan "Minister" bukan dengan perkataan "Menteri". Itu berdasarkan

keperchayaan saya, berdasarkan kepada ayat<sup>2</sup> pindaan Sekshen 18, 21, 23 itu nyata-lah perkataan Sekshen 2 itu harus di-pinda kepada perkataan "Minister" bukan "Menteri".

Terlanjur dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak menarek perhatian pehak Kerajaan tiap<sup>2</sup> kali pehak Kerajaan mengemukakan Rang Undang<sup>2</sup> pindaan maka ini-lah masa-nya yang sangat menasabah sa-kali bagi Kerajaan mengemukakan sa-chara langsung sa-suatu pindaan dan satu perubahan Undang<sup>2</sup> asal daripada bahasa Inggeris ka-bahasa Malaysia, sesuai saperti yang di-sarankan di-dalam Dewan ini oleh Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin supaya Kerajaan mengadakan Law Reform. Jadi Law Reform ini dapat berjalan dengan sadikit kalau di-buat satu committee atau Surohanjaya dengan itu barangkali 20 tahun ta' selesai semua Undang<sup>2</sup>, sadikit demi sadikit dapat kita selesaikan ia-itu dengan jalan apabila Kerajaan mahu meminda satu Rang Undang<sup>2</sup> yang ini nyata-lah dalam bahasa Inggeris boleh di-adakan satu penyelesaian menterjemahkan terus ka-bahasa Malaysia dan adakan pindaan kemudian itu di-sahkan sa-kali gus, sadikit demi sadikit kita dapat menyelesaikan semua-nya perkara<sup>2</sup> yang menjadi masaalah dalam negara kita. Dan, Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan tentang ini ia-itu tentang pindaan Sekshen 2, apa-kah tepat apa yang saya maksudkan tadi harus-nya "Minister" bukan "Menteri", sekian.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Enche' Amaluddin bin Darus membawa tegoran kepada Bill ini. Yang pertama saya hendak menerangkan di-sini ia-itu bagaimana kita semua ma'alum Undang<sup>2</sup> Bahasa Kebangsaan atau Act Bahasa Kebangsaan telah di-luluskan tahun 1967. Semenjak kelulusan Undang<sup>2</sup>, semua Undang<sup>2</sup> yang di-buat sa-lepas lulus Undang<sup>2</sup> Bahasa Kebangsaan itu semua di-adakan dalam dua bahasa ia-itu Bahasa Kebangsaan dan bahasa Inggeris. Dan ada peruntukan dalam Undang<sup>2</sup> itu boleh Jabatan Peguam Negara menterjemahkan Undang<sup>2</sup>-nya sa-belum tahun 1967 ka-dalam bahasa Inggeris. Sunggoh pun; saya hendak menerangkan di-sini sa-berapa yang boleh Jabatan Peguam Negara chuba sa-berapa yang boleh bila masa ada kelapangan bagi Pegawai<sup>2</sup> Terjemahan menterjemahkan Undang<sup>2</sup> yang

belum di-terjemahkan lagi ia-itu sa-belum tahun 1967. Banyak telah di-buat Undang<sup>2</sup> yang dahulu itu di-terjemahkan di-pandang dari segi betapa mustahak-nya Undang<sup>2</sup> itu mesti di-terjemahkan dengan segera, mithal-nya Penal Code, Criminal Procedure Code dan lain<sup>2</sup> kerana banyak yang hendak di-gunakan oleh Pejabat Khadi, pehak Polis dan lain<sup>2</sup>. Sudah itu segala usaha Jabatan Peguam Negara di-tumpukan kepada Undang<sup>2</sup> yang mustahak di-terjemahkan kerana banyak sangat beratus<sup>2</sup> Undang<sup>2</sup> yang belum di-terjemahkan, tidak boleh kita dapat buat dengan lebeh pesat lagi atau lebeh banyak lagi oleh sebab bukan senang hendak menchari penterjemah yang chukup mahir khas-nya Penterjemah Undang<sup>2</sup>. Saya sudah berchakap lebeh dahulu terjemahan Undang<sup>2</sup> ini bukan sa-orang itu hendak handal dan pakar dalam bahasa Inggeris dan juga dia pakar dalam bahasa Melayu—Bahasa Kebangsaan, itu tidak menchukupi, kerana dia juga ahli Undang<sup>2</sup>. Sudah itu kita hendak mencharikan penterjemah hendak-lah ada tiga kelulusan, chukup bagus dalam bahasa Inggeris, chukup bagus dalam Bahasa Kebangsaan dan kelulusan Undang<sup>2</sup>, ini yang susah. Bukan semua orang ada menchukupi tiga kelulusan ini, masa ini pun chuma ada 4 jawatan bagi Pegawai Undang<sup>2</sup> dalam jabatan itu maseh kadang<sup>2</sup> ada dua tiga lagi belum dapat di-penohkan. Dengan itu, saya mengambil ingatan-lah atas tegoran itu tetapi memang-lah di-buat, saya lupa terangkan di-sini berapa banyak yang telah di-terjemahkan, tetapi Undang<sup>2</sup> yang kechil yang semacham ini tidak di-fikirkan tidak sangat mustahak, belum di-terjemahkan lagi. Saya fikir sampai masa-nya bila chukup kakitangan dan kemahiran boleh di-terjemahkan, tetapi ini satu perkara yang chukup sukar kerana terjemahan Undang<sup>2</sup> itu kalau salah satu koma atau satu huruf ma'ana-nya jauh pergi-nya. Demikian juga macham kita hendak terjemah Undang<sup>2</sup> daripada bahasa Arab ka-bahasa Melayu dan lain<sup>2</sup> sangat-lah benda itu teknikel dalam perkara ini.

Yang kedua, berkenaan dengan pindaan dalam Jadual 1 Sekshen 2, "Yang di-Pertuan Agong" menggantikan perkataan "Menteri". Di-sini saya fikir boleh jadi ada kesilapan yang kerana dalam bahasa Inggeris-nya perkataan, "Substitute for the words "Yang di-Pertuan Agong" appearing therein the word "Minister". Jadi memang betul di-sini "Yang di-Pertuan Agong" kita dapat di-dalam-nya

dengan perkataan "Minister". Di-sini ada kesilapan yang sa-betul-nya di-sini "Yang di-Pertuan Agong" di-dalam-nya hendak-lah digantikan perkataan "Minister" kerana Undang<sup>2</sup> ini belum di-terjemahkan khusus-nya sa-kali arong. Jadi apabila kita terjemahkan akan datang sa-lepas di-pinda ini baharu-lah "Minister" itu di-gantikan dengan "Menteri", itu sahaja pandangan saya dalam Undang<sup>2</sup> ini.

**Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun ta' ada apa<sup>2</sup> hendak di-jawab kerana telah di-jawab oleh rakan saya Peguam Negara dan sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat Peguam Negara, undang<sup>2</sup> ini berasal dalam bahasa Inggeris. Jadi yang menjadi kegunaan sekarang ini ia-lah Bill di-dalam bahasa Inggeris, substitute for the words "Yang di-Pertua Agong" appearing therein the word "Minister". Jadi, Undang<sup>2</sup> yang asal-nya dalam bahasa Inggeris, jadi pindaan di-buat di-dalam bahasa Inggeris.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, *mempengerusikan mesuarat Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 dan 2* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

*Jadual* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## **RANG UNDANG<sup>2</sup> LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (PINDAAN)**

**Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin supaya Rang Undang<sup>2</sup> yang bertajok suatu Akta bagi meminda Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, 1965, di-bacha kali yang kedua.

Tajok Rang Undang<sup>2</sup> ini ada-lah untok memasokkan sa-mula ka-dalam suatu Undang<sup>2</sup> kekal mengenai pindaan<sup>2</sup> yang telah di-buat kepada Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, 1965, melalui Ordinan No. 23 (Kuasa<sup>2</sup> Perlu) Dharurat, 1970, sa-bagaimana di-pinda oleh Ordinan No. 92 (Kuasa<sup>2</sup> Perlu) Dharurat, 1971. Yang di-Pertuan Agong telah pun meluluskan Pindaan kepada Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan melalui Ordinan No. 23 (Kuasa<sup>2</sup> Perlu) Dharurat, 1970, khusus-nya kepada sekshen 4 dan 5 Akta itu. Sekshen 4 Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, 1965, saperti di-pinda melalui Ordinan No. 23 (Kuasa<sup>2</sup> Perlu) Dharurat, 1970, itu ada-lah bertujuan untok mengelakkan penyiasatan awam (Public Enquiry) yang mungkin menimbulkan perasaan<sup>2</sup> tersinggong tetapi sa-balek-nya pindaan itu mengadakan peruntokan untok sa-saorang mengemukakan bantahan<sup>2</sup> sa-chara bertulis terhadap sa-suatu rancangan pemasaran yang di-chadangkan dan untok Lembaga menimbang bantahan<sup>2</sup> itu. Pindaan kepada sekshen 5 melalui Ordinan yang sama ada-lah berhubung dengan perkara yang menghendaki Menteri mengemukakan sa-suatu rancangan pemasaran dan menchadangkan kepada Majlis Gerakan Negara untok di-luluskan.

Ordinan No. 23 (Kuasa<sup>2</sup> Perlu) Dharurat, 1970, selanjut-nya di-pinda oleh Ordinan No. 92 (Kuasa<sup>2</sup> Perlu) Dharurat, 1971. Pindaan ini memotongkan kehendak mengemukakan sa-suatu rancangan oleh Menteri kepada Majlis Gerakan Negara kerana Majlis Gerakan Negara telah pun dimansokhkan sa-bagaimana yang telah diperuntokkan dalam sekshen 5 Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, 1965.

Fasal 2 saperti yang di-nyatakan mengikut Butiran 1 dan 2 dalam Jadual Rang Undang<sup>2</sup> itu memasokkan sa-mula pindaan<sup>2</sup> yang telah di-buat oleh Ordinan No. 23 yang tersebut sa-bagaimana di-pinda oleh Ordinan No. 92 (Kuasa<sup>2</sup> Perlu) Dharurat, 1971.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Jadual di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## RANG UNDANG<sup>2</sup> PERSATUAN PELADANG (PINDAAN)

### Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan supaya satu Rang Undang<sup>2</sup> bernama Akta Persatuan Peladang (Pindaan), 1971, di-bacha bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang<sup>2</sup> ini ia-lah untuk meminda sekshen 5, 6, 9 dan 12 Akta Persatuan Peladang, 1967.

Fasal 2 Rang Undang<sup>2</sup> itu meminda sekshen 5 (e) dan (g) Akta Persatuan Peladang. Pindaan<sup>2</sup> itu berhubung dengan perkhidmatan<sup>2</sup> pasaran dan kredit yang akan di-adakan oleh Persatuan Peladang untuk menjalankan perkhidmatan<sup>2</sup> seperti mengendali, mengumpul, menyimpan, membeli dan menjual keluaran<sup>2</sup> ladang dan ternakan. Persatuan itu juga akan mengadakan perkhidmatan tabong wang dan kredit seperti memberi pinjaman kepada ahli<sup>2</sup> dan menggalakkan mereka membuka akaun simpanan. Ini ada-lah sa-jajar dengan tujuan hendak memajukan ekonomi Persatuan Peladang.

Fasal 3 Rang Undang<sup>2</sup> itu meminda sekshen 6 Akta Persatuan Peladang. Menurut sekshen yang ada sekarang ini, nampak-nya Pendaftar boleh mewakilkan kuasa-nya kepada "sa-saorang" hanya atas nama orang itu sahaja dan tidak atas nama jawatan-nya. Peruntukan ini telah menimbulkan kesukaran daripada segi pentadbiran.

Oleh yang demikian pindaan itu bertujuan untuk mengatasi kesukaran itu serta membolehkan kuasa Pendaftar di-wakilkan kepada mana<sup>2</sup> pegawai awam atas jawatan-nya.

Fasal 4 Rang Undang<sup>2</sup> itu meminda sekshen 9 Akta Persatuan Peladang, Pegawai Penyelia di-tiap<sup>2</sup> Negeri ia-lah Pegawai Pertanian Negeri yang mempunyai banyak tugas lain yang hendak di-jalankan oleh-nya. Perlantekan sa-orang penolong akan merengankan tanggong-nya.

Fasal 5 Rang Undang<sup>2</sup> itu meminda sekshen 12 Akta Persatuan Peladang. Pindaan di-bawah perenggan (a) Fasal ini ia-lah untuk membolehkan Lembaga Pengarah tiap<sup>2</sup> Persatuan Peladang memegang jawatan sa-tahun lebeh daripada yang di-untokkan sekarang ini ia-itu meningkat atau menjadi dua tahun. Untuk membolehkan Lembaga itu menjalankan tugas<sup>2</sup>-nya dengan lebeh berkesan dan chekap dan juga mengadakan hubungan yang berterusan, maka tempoh perkhidmatan yang lebeh lama ada-lah di-kehendaki dari ahli<sup>2</sup>-nya. Oleh yang demikian mereka akan lebeh faham akan perjalanan Persatuan Peladang termasuk masaalah pentadbiran dan pengu-rusan dan di-samping itu akan membolehkan mereka memperolehi dan meninggikan lagi mutu kemahiran-nya di-dalam bidang memberi bimbingan. Tempoh dua tahun yang di-adakan untuk pemilihan Lembaga itu akan juga merengankan kerja Pendaftar dan kakitangan-nya daripada sentiasa mengadakan meshuarat<sup>2</sup> untuk pilihan pegawai<sup>2</sup>, mengelola dan menyeliakan pemilihan itu. Sa-makin bertambah bilangan Persatuan Peladang maka sa-makin berat-lah tanggong-an itu jika tiap<sup>2</sup> satu Persatuan Peladang mengadakan pemilihan-nya pada tiap<sup>2</sup> tahun.

Tujuan pindaan di-bawah perenggan (b) Fasal ini ada-lah untuk mempastikan supaya hanya warganegara Malaysia sahaja boleh berkhidmat di-dalam Lembaga Pengarah bagi Persatuan<sup>2</sup> Peladang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

**Dato' Dr Cheah Toon Lok:** (*Dengan izin*) Mr President, Sir, although I am in great sympathy with this Bill, there is a certain section of which I am not very satisfied.

The section dealing with citizens of Malaysia who are entitled to become members of this Farmers' Association. As you are aware, Sir, throughout this country there are thousands and thousands of new villagers, people who are ignorant, who are unlearned, who sometimes cannot write even their own names, although they are supposed to be citizens of Malaysia. Some of them have been born here, some of them have been here for years—20/30 years, and yet they have red identity cards; they are not entitled to join this Farmers' Association. I hope that the Minister concerned will use his sympathy to do as much as possible with other Ministries so that these poor people could be made citizens of Malaysia and could join this Farmers' Association. If this is not done, there will be a group of disgruntled people in this country who would be not only a thorn in the side of Malaysia, but will be a sort of unwanted people who will not regard Malaysia as their home. I hope that the process of naturalisation of these people would be accelerated. Some of them have applied for years to be citizens of this country, and some of them who have not been in contact with other races, they can only speak one tongue, and so they are being penalised. I hope the Government will be generous in this matter to allow them to become citizens of Malaysia, so that they could enjoy all the benefits of a new developing country and enjoy all the benefits of being a member of the Farmer's Association. Thank you, Sir.

**Dato' J. E. S. Crawford:** (*Dengan izin*) In rising to support the Bill, Sir, I think the last speaker, Sir, got rather confused. (*Ketawa*) I think he wanted to make the Board, which this refers to, many hundreds of thousands of people, if I heard him right, Sir. This particular Clause, Sir, as far as I read it, is to allow only for Malaysians to be on the Board, Sir. I think with that clarification I fully support the Bill. Thank you, Sir.

**Dato' Dr Cheah Toon Lok:** Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta tadi ia-lah bagi sa-saorang yang ada mempunyai red identity card itu boleh masuk menjadi Member of the Board. Ada beribu<sup>2</sup> orang tidak dapat, tidak ada peluang. Dia boleh jadi wakil, kerana dia ra'ayat Persekutuan untuk menjadi Member of the Board itu. Itu-lah sahaja yang saya minta, sebab

mereka itu tidak ada wakil yang dudok di-dalam Board ini. Saya harap ini boleh diluluskan. Dengan sebab itu, saya fikir Dato' Crawford ta' faham apa yang saya chakapkan tadi (*Ketawa*).

**Tuan Mohd. Hanipah bin S. Alaudin:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong pindaan rang undang<sup>2</sup> berkenaan dengan Persatuan Peladang ini. Sambil menyokong saya suka juga memberi satu dua pandangan atau pun pendapat berkenaan dengan Persatuan ini. Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, Persatuan Peladang telah mula bergerak dan telah nampak peranan<sup>2</sup> yang telah di-ambil itu boleh memberi kesan yang baik kepada ahli<sup>2</sup> Persatuan Peladang di-dalam bidang pertanian. Biasa juga kita tahu dahulu juga ada Persatuan<sup>2</sup> Peladang tetapi dengan adanya undang<sup>2</sup> yang baharu ini dan dengan ada tambahan atau pindaan undang<sup>2</sup> ini saya rasa untuk hendak memperkuat lagi Persatuan Peladang di-seluruh negara kita ini.

Di-negeri Kedah di-dalam Ranchangan Perayeran Muda memang tepat sungguh dan akan memberi kemungkinan yang besar untuk melaksanakan Ranchangan Perayeran Muda dengan ada-nya Persatuan<sup>2</sup> Peladang ini memainkan peranan di-dalam berbagai<sup>2</sup> bidang, mithal-nya bukan sahaja di-dalam pertanian bahkan di-dalam perniagaan juga.

Mithal di-dalam masa menjalankan kerja<sup>2</sup> pertanian itu di-jalankan chuchok tanam padi sa-lepas itu ada berbagai<sup>2</sup> perniagaan seperti menjual padi, mengambil upah memotong padi, tanam padi, sa-lain daripada itu juga mengusahakan jerami<sup>2</sup> padi itu supaya di-jadikan harga dan dengan jalan ini Persatuan<sup>2</sup> Peladang dengan ada-nya tumbuh di-sekitar dan seluruh kawasan Perayeran Muda mereka hendak-lah bersedia mengambil peluang dalam perkilangan yang akan di-bangunkan oleh swasta di-dalam bidang perindustri kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menambah sedikit perhatian di-dalam bidang pertanian ini berkenaan dengan peladang<sup>2</sup>. Di-dalam bidang lain, mithal di-dalam negeri Kedah atau di-negeri lain<sup>2</sup> juga ada banyak orang<sup>2</sup> Melayu terutama di-luar bandar yang memiliki tanah<sup>2</sup> kecil yang tidak iktisad, yang tidak ekonomik, mereka memiliki 2 relong, 3 relong, 5 relong, tetapi tidak dapat mengusahakan tanah itu dan tidak memberi hasil apa<sup>2</sup> oleh sebab beberapa perkara: pertama-nya mereka itu miskin hanya dapat mendirikan sa-buah rumah

menjadi tempat dudok dan kemudian kerja-nya mengambil upah memotong getah atau memotong kayu tetapi mereka itu hendak mengusahakan tanah tidak ada modal dan tidak ada pengetahuan. Saya rasa bagi pehak Kementerian yang bersangkutan dapat mengusahakan, dengan dapat menubuhkan Persatuan<sup>2</sup> Peladang di-dalam bahagian<sup>2</sup> pendalaman supaya menchantumkan mereka<sup>2</sup> ini. Mithal-nya kalau ada 1,000 ekar, 2,000 ekar pada satu kawasan yang kecil<sup>2</sup> ini di-chantumkan supaya dapat di-tanamkan mithalan ubi kayu atau apa<sup>2</sup> yang sesuai di-atas tanah mereka itu, saya rasa dengan anjoran Persatuan Peladang sa-bagai pelupur di-tempat itu maka akan dapat memberi satu jaminan hidup atau satu tambahan mata pencharian mereka itu. Memang tanah yang bagini tinggal beratus<sup>2</sup> ribu ekar ada di-dalam satu<sup>2</sup> daerah. Saya rasa pehak Kerajaan juga memahami perkara ini. Saya rasa dengan ada-nya Persatuan Peladang dan dengan kelulusan Akta ini saya harap pehak Kerajaan akan mendahulukan kepada pehak<sup>2</sup> yang sangat miskin di-kampong<sup>2</sup> dengan sebab harga getah yang sangat merosot sekarang ini. Jikalau nasib mereka itu tidak di-bela maka harus mereka ini akan kemelaratan.

Itu-lah sahaja pandangan saya Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kaseh.

**Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kaseh kepada Ahli<sup>2</sup> yang telah berchakap tadi dan berkenaan dengan tegoran atau yang di-buat oleh Dato' Dr Cheah Toon Lok itu telah pun di-jawab oleh Dato' Crawford, jadi tidak payah saya jawab lagi.

Kemudian berkenaan dengan permintaannya sa-lepas itu ia-itu orang<sup>2</sup> yang tidak mempunyai citizenship ini di-beri pula peluang untuk dudok dalam Jema'ah Jawatan-kuasa. Saya rasa itu tidak-lah mustahak, tetapi mereka boleh mengambil bahagian sa-bagai ahli tetapi tidak sa-bagai pemimpin kepada Persatuan<sup>2</sup> Peladang.

Berkenaan dengan apa yang di-bangkitkan oleh Tuan Mohd. Hanipah berkenaan dengan tanah ada sempit dan sa-bagai-nya meminta supaya Persatuan Peladang anjor, menjalankan usaha<sup>2</sup> penanaman dan pengeluaran yang lebih baik, maka saya suka-lah menjelaskan ia-itu di-Kedah terutama sa-kali di-Ranchangan Muda kita telah menubuhkan 14 buah Persatuan Peladang dan ranchangan kita

yang ada ia-lah untuk menubuhkan 28 buah Persatuan Peladang ia-itu meliputi seluruh kawasan Ranchangan Muda, Ranchangan Kemubu dan ranchangan<sup>2</sup> yang lain. Pada masa sekarang ini kita ada mempunyai lebih kurang 80 buah Persatuan Peladang di-seluruh Malaysia ini dan kita berharap di-akhir Ranchangan Malaysia Kedua ini kita akan dapat menubuhkan lebih kurang 200 buah ia-itu meliputi seluruh kawasan<sup>2</sup> yang mempunyai usaha<sup>2</sup> pertanian yang luas. Jadi dengan ada-nya Persatuan<sup>2</sup> Peladang itu dapat-lah usaha<sup>2</sup> pertanian di-jalankan dengan lebih giat lagi. Sekian, terima kaseh.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 hingga 5* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## RANG UNDANG<sup>2</sup> MENCHEGAH RASUAH (PINDAAN)

### Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan ia-itu suatu Akta untuk meminda Akta Menchegah Rasuah, 1961 di-bachakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, suatu kesilapan yang tidak di-sedari hingga sekarang telah di-dapati berlaku dalam Akta Menchegah Rasuah, 1961, apabila Akta itu di-semak untuk di-terbitkan sa-mula sa-bagai Undang<sup>2</sup> Semakan (Law Revision). Kesilapan itu timbul dari ta'arif "offence under this Act", atau terjemahan-nya "kesalahan di-bawah Akta ini".

Tuan Yang di-Pertua, dengan sebab Undang<sup>2</sup> ini maseh lagi dalam bahasa Inggeris dan belum di-terjemahkan sa-penoh-nya ka-dalam Bahasa Kebangsaan dan perkara yang saya kemukakan ini sangat teknikal. Untuk

memberi lebih faham kepada Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat, izinkan saya menyambong dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Dato' Yang di-Pertua, when the Prevention of Corruption Act, 1961 was being revised for republication as a revised law, a hitherto unnoticed flaw came to light, which it is in the interest of efficient enforcement to repair. The trouble arises from the definition of "offence under this Act." This is a term of art and must be distinguished from offence. Only two Sections, Section 3, receiving or giving gratification and Section 23 (2), that is, refusal to give information required by police officers, authorised by the Attorney-General to investigate a suspected offence, expressly declare an offence to be offence under this Act. It is impossible to find a common denominator between these two offences which distinguishes them from all other acts which are declared to be offences but not offences under this Act. If corruption, that is Section 3, is an offence under this Act, punishable with \$10,000 or 5 years or both, then why are the following declared to be "offences" and not "offences under this Act." There are:

Section 4—Corrupt transaction with agents, for which punishment is \$10,000 or 5 years, or both.

Section 5—Corrupt transaction in relation to contracts with public bodies.

Section 7—Corruptly procuring withdrawal of tenders for contracts with public bodies.

Section 8—Bribery of Members of Parliament or State Legislatures.

Section 9—Bribery of Members of public bodies.

All these Sections—Sections 4, 5, 7, 8 and 9—are punishable with \$10,000 or 7 years imprisonment, or both.

There seem to be no rhyme or reason in drawing a distinction which has significant consequences in practice between these offences and offences under Section 3, which I have mentioned just now. Dato' Yang di-Pertua, the consequences of the distinction are as follows:

(a) Section 11 prescribes the punishment for abetment of an offence under this Act. Abetment of an offence under other than an offence under this Act is not punishable under the Act but under the Penal Code. The Penal Code does not punish abetment with the full penalty for the offence abetted where the offence is not committed. It follows

that a person who abets by instigation, conspiracy or aid, the commission of an offence under Section 3 is liable to the full penalty for that offence whether or not the offence is actually committed in consequence of that abetment. While on the other hand, a person who abets the commission of an offence under Sections 4, 5, 7, 8 or 9, will if no offence is committed in consequence of the abetment, be liable to only one-quarter of the penalty prescribed for the offence committed, or, in the case of a public servant, only one-half.

(b) Parts III, IV and V of the Act contain special provision as to evidence—powers of the Police and powers of investigation by Public Prosecutor which are designed to facilitate the detection, investigation, prosecution and trial of corruption cases. But VI makes miscellaneous provisions for such matter as liability of citizens for offence committed outside Malaysia and hence jurisdiction to enable offences to be tried in the Sessions Court and power to arrest without warrant. But all the sections in question relate to offences under this Act with the result that the special provisions and powers can only be used for the purpose of offences or alleged or suspected offences punishable under Section 3 or Section 23 (2) of the Act or prescribed offences punishable under the corruption sections of the Penal Code.

It is difficult to believe that this was intended when the Act was drafted in 1961 or to find a rational explanation of the distinction made between offence under Sections 3 and 23 (2) and those under other sections. The special provisions and powers are intended to give the police and the prosecution an advantage, but there seems to be no good reason why they should be placed at a comparative disadvantage in relation to the equally serious or even more serious offences under Section 4, 5, 7, 8 and 9, which I have stated earlier.

The former Prevention of Corruption Ordinance, 1950, which the Act repealed, made no such distinction. The special provisions and powers applied to all offences mentioned in the Ordinance.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Order, order.

**Tan Sri Abdul Kadir:** I have only four lines more, Sir.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** All right, go on.

**Tan Sri Abdul Kadir:** This Bill, Sir, removes the anomalies by including in the definition of "offences under this Act," all offences which are punishable under the Act with 5 or 7 years imprisonment or any offence under Section 137 of the Customs Act, 1967. It is not considered necessary to include the lesser offences such as obstructions, failure to report a bribe or refusal to supply information, since the abetment of these offences would be an improbable event, and the special

provisions and powers would rarely be of use for the purposes of investigation or for the purpose of prosecution.

Sir, I beg to move.

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat, mesuarat di-tanggohkan sa-hingga pukul 2.30 petang hari besok, 10 haribulan Ogos, 1971.

*Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.30 petang.*